# SUMBER :

# ELEKTRONIK

ARKIB : 18/06/2010

**Medan ikan bakar di Pantai Jeram**

Oleh Mariatul qatiah zakaria
maria.zakaria@utusan.com.my
Gambar wanidah zainal aripin



HIdangan ikan bakar yang sedap boleh didapati di Medan Ikan Bakar Pantai Jeram.

SEBUT sahaja Kuala Selangor, ramai yang akan membayangkan kelip-kelip di Kampung Kuantan yang menjadi daya tarikan utama ke bandar kecil itu.

Walaupun kelip-kelip sudah sinonim dengan Kuala Selangor malah telah menjadikan bandar itu terkenal di serata dunia tetapi Kuala Selangor juga menawarkan banyak lagi destinasi menarik untuk dikunjungi.

Selain terdapat tempat-tempat bersejarah, ikan bakar dan makanan laut yang segar juga merupakan daya tarikan utama bandar yang terletak kira-kira satu setengah jam perjalanan dari Kuala Lumpur ini.

Seperti masakan lain, menu berasaskan makanan laut mempunyai penggemar dan pengikutnya sendiri. Oleh itu, semakin banyak restoran berkonsep eksklusif mahupun santai yang menghidangkan menu makanan laut dibuka terutama di sekitar Kuala Lumpur.

Itulah keunikan Malaysia, yang menjadi pusat tumpuan makanan dari serata dunia.

Sebut sahaja cita rasa yang diinginkan, boleh dikatakan semuanya ada di sini.

Bagi penggemar makanan laut, apa kata sekali sekala anda sekeluarga mencuba makanan laut yang terdapat di Pantai Jeram.

Salah satu restoran yang terdapat di Pantai Jeram ialah Medan Ikan Bakar Pantai Jeram.

Merupakan perniagaan keluarga sejak 27 tahun lalu, kini pengurusnya, Suhaimi Jalil memberitahu, bahawa segala makanan laut segar yang diperolehnya dihantar oleh pemborong-pemborong tempatan di sekitar Kuala Selangor.

Kebiasaannya untuk hari-hari biasa, Medan Ikan Bakar Pantai Jeram akan menyediakan sehingga 100 kilogram (kg.) pelbagai jenis makanan laut dan untuk hari minggu jumlah tersebut akan meningkat sehingga 200 kg. sehari.

"Setiap hari kami menyediakan pelbagai jenis makanan laut segar kepada pengunjung dan kami sedaya upaya menyediakan makanan yang berkualiti kepada para pelanggan kami.

"Ini kerana makanan laut segar turut mempengaruhi masakan yang dimasak dan sudah pasti kami mahu mengekalkan pelanggan-pelanggan yang sedia ada," ujarnya ketika ditemui di Pantai Jeram, baru-baru ini.

Jelas bapa kepada lima orang cahaya mata ini lagi, selain makanan laut yang dibakar dan digoreng menjadi pilihan, kedainya turut terkenal dengan asam pedas ikan sembilang.

Sementara itu untuk ikan, lazimnya para pelanggannya gemar menu ikan masak tiga rasa manakala bagi ketam ia dimasak sama ada secara goreng bercili dan sotong pula goreng bertepung. Bagi ikan bakar, jenis ikan yang sering dipilih ialah ikan pari, kembung, cencaru, jenahak dan terubuk.

Dibuka setiap hari bermula dari pukul 5 petang hingga 12 tengah malam, Medan Ikan Bakar Pantai Jeram turut menyediakan kemudahan seperti surau, tandas dan tempat letak kereta untuk memudahkan para pengunjung.

Tidak ketinggalan disediakan juga tempat permainan untuk anak-anak kecil bermain sementara keluarga masing-masing menikmati makanan di situ.

Bercerita lebih lanjut mengenai kedai makannya, menurut anak jati Kampung Jeram ini, pada satu-satu masa ia dapat menampung seramai 500 orang pelanggan.

"Kebanyakan pelanggan kami merupakan pelancong-pelancong tempatan yang datang dari Kuala Lumpur dan Shah Alam.

"Bagi pelancong-pelancong tempatan mereka memang gemar makan makanan laut ini dan pelancong luar negara juga tidak melepaskan peluang untuk mencuba makanan Malaysia.

"Untuk itu, kedai ini dibuka setiap hari kecuali setiap hari Selasa hujung bulan ia ditutup dan sekiranya hari-hari biasa ia dibuka sehingga pukul 12 tengah malam, tetapi untuk hari minggu iaitu Sabtu dan Ahad kami panjangkan operasi hingga pukul 1 pagi," tambah beliau.

Yang pasti, segala jenis masakan yang dihidangkan akan membangkitkan selera anda.

Soal harga usah dipertikaikan kerana ia sememangnya berbaloi dan berpatutan.

Jadi, apa kata sekiranya anda inginkan kelainan dalam mencuba makanan laut, kunjungilah Medan Ikan Bakar Pantai Jeram di Kuala Selangor bersama keluarga.

Selamat menjamu selera!

ARKIB : 17/03/2009

**11 bangunan bersejarah di seluruh negara akan dipulihara**

KUALA LUMPUR 16 Mac - Projek pemuliharaan bangunan warisan negara tahun ini akan tertumpu kepada 11 bangunan bersejarah untuk memastikan monumen warisan tidak hilang ditelan zaman.

Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN), Datin Paduka Zuraina Majid berkata, pelaksanaan projek tersebut adalah bagi memulihara bangunan warisan negara yang mempunyai sejarah tersendiri.

"Projek itu bertujuan menjaga bangunan dan juga monumen warisan negara agar tidak hilang di telan zaman.

"Sayang jika kita tidak menjaga keaslian tempat bersejarah itu. Setiap bangunan mengandungi nilai cerita menarik yang mungkin tidak diketahui oleh umum," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar projek-projek pemuliharaan bangunan bersejarah JWN di sini hari ini.

Bangunan-bangunan bersejarah yang terlibat ialah rumah No. 138 di Jalan Hatin Georgetown dan Gereja St. George (Pulau Pinang), bangunan Sanitary Board (Perak), bangunan lama Ibu Pejabat Pos Ipoh dan masjid lama Kampung Dal (Perak).

Selain itu, Gedung Raja Abdullah (Selangor), bangunan lama Hong Kong dan Shanghai Bank (Melaka), Muzium Sultan Abu Bakar (Pahang), bangunan Persatuan Sejarah Malaysia (Terengganu) dan Masjid Mulong (Kelantan).

"Penjagaan bangunan bersejarah ini penting sebagai khazanah negara untuk tatapan generasi akan datang.

"Ciri-ciri reka bentuk dan unsur kebudayaan yang unik pada bangunan bersejarah itu sudah pasti akan menarik perhatian masyarakat khususnya para pelancong dari luar negara," katanya.

Sementara itu, Zuraina berkata, terdapat empat bangunan bersejarah yang telah disiap dipulihkan melalui projek itu.

Bangunan tersebut adalah rumah Penghulu Abdul Ghani/Natar di Merlimau (Melaka), Muzium Perak, Balai Polis Lama Raub (Pahang) dan rumah kelahiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di Kuala Lipis (Pahang).

ARKIB : 26/01/2008

**Kelip-kelip nadi Kuala Selangor**

Oleh: THOMAS CHONG



PENGUNJUNG yang ingin melihat kelip-kelip dari dekat di Kampung Kuantan, Kuala Selangor pada masa depan akan dibawa menaiki sampan lebih besar.

KUALA SELANGOR 25 Jan. – Sebut sahaja Kuala Selangor, ramai yang akan membayangkan kelip-kelip di Kampung Kuantan dan Bukit Belimbing yang menjadi daya tarikan utama ke bandar kecil itu.

Walaupun kelip-kelip sudah sinonim dengan Kuala Selangor malah telah menjadikan bandar itu terkenal di serata dunia tetapi Kuala Selangor juga menawarkan banyak lagi destinasi menarik untuk dikunjungi.

Tempat bersejarah, ikan bakar dan makanan laut yang segar juga merupakan daya tarikan utama bandar yang terletak kira-kira satu setengah jam perjalanan dari Kuala Lumpur ini.

Namun, kelip-kelip, yang juga dikenali sebagai api-api di sesetengah tempat, tetap merupakan nadi penggerak kepada Kuala Selangor.

Maka, tidak menghairankan apabila sebaik sahaja kegelapan menyelubungi, dari sebuah kampung yang sunyi, Kampung Kuantan bertukar wajah menjadi destinasi pelancongan terunggul di Selangor.

Apa tidaknya, pelancong dari serata dunia berpusu-pusu tiba di Kampung Kuantan bagi menyaksikan keajaiban kelip-kelip di situ.

Tetapi sebaik sahaja fajar menyinsing, segala keriuhan orang ramai hilang, hanya yang kelihatan ialah sampan-sampan yang terdampar di tepi sungai.

Benarkah daya tarikan Kuala Selangor hanya terhad pada waktu malam?

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Datuk Dr. Lim Thuang Seng berkata, pihaknya sedang menggandakan usaha untuk mempelbagaikan produk pelancongan di Kuala Selangor yang akan menjadi pelengkap kepada keunikan kelip-kelip.

Katanya, berbanding sekadar mampu menarik pelancong pada waktu malam, usaha sedang dilakukan untuk menarik orang ramai sejak dari siang lagi ke Kuala Selangor.

“Sebenarnya, banyak lagi tempat menarik yang boleh dikunjungi di Kuala Selangor pada sebelah siang,’’ katanya kepada Utusan Malaysia ketika ditemui di sini.

Menurutnya, selain kelip-kelip, sejenis spesies monyet berwarna perak yang terdapat di Kuala Selangor juga merupakan satu daya tarikan pelancong di situ.

Menariknya, spesies monyet yang unik ini mempunyai bulu yang berwarna jingga kekuningan semasa kecil tetapi bertukar menjadi berwarna perak apabila dewasa.

Bagi yang tidak gemarkan sang monyet, mungkin kicauan burung di Taman Alam Kuala Selangor boleh menawan hati anda.

Menurut Thuang Seng, aktiviti memerhati burung di taman itu merupakan satu pengalaman unik kerana pengunjung boleh melihat jenis burung yang berlainan mengikut perbezaan waktu.

“Taman ini memang terkenal dengan kepelbagaian burung dan jenis burung yang berlainan akan dikesan pada waktu yang berlainan.

“Jika anda terlihat helang atau burung pucung berterbangan pada waktu pagi, pada waktu petang anda akan dapat menyaksikan jenis burung yang lain pula,’’ jelasnya.

Bukit Melawati merupakan satu lagi daya tarikan di Kuala Selangor.

Bukit bersejarah itu telah menyaksikan detik perjuangan antara penduduk tempatan dengan kuasa penjajah dari Belanda dan British.

Dari rumah api hingga ke makam diraja, menara tinjau, kubu pertahanan dan batu pancung, pengunjungnya seakan-akan memasuki zaman lampau sebaik sahaja menaiki bukit itu.

Menurut Thuang Seng, pelbagai daya tarikan di Kuala Selangor berpotensi menjadikan pekan tersebut sebagai destinasi pelancongan termasuk untuk berbulan madu.

ARKIB : 29/01/2007

**PBT perlu majukan lokasi pelancongan**

PELABUHAN KLANG 28 Jan. – Kerajaan menyeru semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat agensi perlancongan di Selangor supaya memainkan peranan masing-masing dalam usaha menarik minat kira-kira 4.8 juta pelancong ke negeri tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Datuk Dr. Lim Thuang Seng, berkata statistik menunjukkan terdapat peningkatan pelancong ke negeri berkenaan sejajar dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007).

‘‘Daripada jumlah 4.8 juta pelancong, kira-kira 2.1 juta daripadanya ialah pelancong asing manakala kira-kira 2.6 juta lagi merupakan pelancong domestik.

‘‘Justeru, setiap PBT dan syarikat agensi pelancongan di Selangor perlu memainkan peranan sewajarnya untuk memastikan pelancong-pelancong itu berpuas hati dapat melawati semua tempat-tempat menarik di negeri ini,’’ katanya.

Menurut Thuang Seng, syarikat-syarikat agensi pelancongan perlu memperbanyakkan pakej-pakej domestik dengan membawa pelancong ke tempat-tempat menarik di sesebuah kawasan PBT.

‘‘Mereka boleh membuat kajian terlebih dahulu dengan mengenalpasti tempat-tempat menarik terutamanya di kawasan-kawasan peninggalan sejarah.

‘‘PBT berkenaan pula berperanan menyediakan Pusat Maklumat Pelancong (TIC) di kawasan tumpuan umum bagi memudahkan perjalanan pelancong,’’ katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan meninjau produk pelancongan yang terdapat di Bandar Diraja Klang minggu lalu.

Beliau berkata, selain menyediakan risalah tempat-tempat menarik, TIC juga perlu menyenaraikan tempat-tempat makanan dan rehat yang terkenal di kawasan PBT masing-masing.

‘‘PBT tidak perlu membazir duit untuk membangunkan tempat-tempat pelancongan baru sedangkan mereka sudah mempunyai tempat-tempat menarik yang hanya perlu dicantikkan sebelum dipromosikan.

‘‘Kalau tidak ada lokasi menarik, mereka boleh menganjurkan acara tahunan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mengadakan ‘Twin Festival’ pada 5 Mei setiap tahun,’’ katanya.

Menurut Thuang Seng, Majlis Perbandaran Klang (MPK) mempunyai banyak tempat-tempat bersejarah untuk dilawati terutamanya untuk pelancong yang datang melalui Pelabuhan Klang menaiki kapal persiaran ketiga terbesar dunia, Star Cruise.

‘‘Dengan tempoh masa yang terhad pelancong-pelancong ini pasti melawati tempat-tempat menarik dan bersejarah di Klang sebelum meneruskan perjalanan ke persisiran pantai negara-negara lain.

‘‘Selain itu, setiap PBT dan syarikat-syarikat agensi pelancongan juga boleh mencari inisiatif lain untuk memajukan sektor pelancongan domestik ini,’’ katanya.

Antara lokasi menarik dan bersejarah yang terdapat di Klang ialah Tanjung Harapan, Port Swettenham, Pelabuhan Klang, Little India, Pulau Ketam, Kota Raja Mahadi, Bangunan Sultan Suleiman Shah, Stesen Keretapi Klang dan Istana Kota.

ARKIB : 26/06/2010

**Klang Heritage produk baru pelancongan**

KLANG 25 Jun - Satu lagi produk pelancongan baru diwujudkan di bandar diraja ini iaitu Klang Heritage Walk bagi memperkenalkan daerah ini kepada pelancong di samping mengekalkan bangunan-bangunan bersejarah.

Klang Heritage Walk merangkumi 18 lokasi, antaranya Stesen Keretapi Klang, Gedung Raja Abdullah, Kota Raja Mahadi, Jalan Tengku Kelana, Istana Alam Shah dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz.

Majlis perasmiannya telah dilaksanakan hari ini di pekarangan Stesen Keretapi Klang, dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mislan Tugiu.

Mislan berkata, matlamat utama Klang Heritage Walk adalah untuk menjaga bangunan bersejarah termasuk bangunan sebelum dan selepas perang untuk dipertontonkan kepada generasi akan datang.

Jelasnya, Klang Heritage Walk diilhamkan bagi mengembalikan sejarah bandar Klang yang sudah berusia 120 tahun.

"Klang mempunyai banyak bangunan lama dan bersejarah untuk dipelihara supaya ia boleh dijadikan bangunan warisan.

"Bangunan-bangunan ini mampu menarik ramai pelancong dalam dan luar negara untuk meninjau dan menerokai serta merasai keindahan bahan warisan yang ditinggalkan," katanya dalam ucapannya.

Katanya lagi, untuk tujuan itu MPK sedang membincangkan kemungkinan untuk memberi insentif kepada pemilik-pemilik premis lama bagi menjayakan program Klang Heritage Walk.

Beliau berkata, sebanyak 340 unit rumah kedai dua tingkat telah dipilih untuk dimasukkan ke dalam Klang Heritage Walk.

Ujarnya, semua rumah kedai yang dipilih akan dicat dengan warna yang sama dan seragam di samping mahu menghidupkan perkhidmatan beca bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di Klang.

Beliau berharap Klang Heritage Walk menjadi titik permulaan kegemilangan pelancongan di bandar diraja ini.

ARKIB : 18/03/2003

**Mercu tanda Selangor dalam lukisan**

**BUKU**
Oleh Noraini Abdul Razak

(Wartawan Utusan)

Tanggal 8 Mac lalu, rakyat negeri Selangor meraikan hari gemilang pertabalan Sultan Sharafuddin Idris Shah yang dimahkotakan sebagai Sultan Selangor Kesembilan dalam upacara penuh adat istiadat.

Sebagai putera sulung Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Sharafuddin Idris Shah sememangnya mewarisi sikap prihatin ayahandanya terhadap pembangunan negeri Selangor.

Malah, baginda juga mengambil berat kesan peninggalan sejarah di Selangor dan mahu ia diabadikan dalam sebuah buku yang kelak boleh dijadikan rujukan pelbagai pihak yang berminat.

Selangor yang berasal dari sebuah kawasan pedalaman dan tempat melombong bijih timah diasaskan kesultanannya pada 1766.

Kini Selangor pesat berkembang menjadi negeri yang paling membangun di Malaysia dan ia boleh dilihat menerusi bangunan-bangunan di negeri itu.

Justeru, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah mengilhamkan supaya bangunan-bangunan tersebut dilakarkan dalam sebuah buku yang pastinya menjadi bahan berharga untuk generasi akan datang.

Hasil idea baginda, lahirlah sebuah buku bertajuk Landmarks of Selangor sebagai testimoni warisan seni bina yang menonjolkan identiti Selangor dan rakyatnya.

Buku ini memaparkan lebih 40 bangunan yang mempunyai nilai sejarah dan kepentingan tersendiri dilakarkan dalam bentuk lukisan oleh pelukis terkenal, Chin Kon Yit. Tidak cukup dengan lukisan-lukisan yang menarik, setiap lakaran lengkap dengan ulasan serta perincian oleh seorang arkitek, Chen Voon Fee.

Dari sudut sejarah pula, ulasan lengkap setiap bangunan oleh John M. Gullick, penulis yang banyak menghasilkan buku mengenai sejarah Malaysia turut disertakan bersama setiap lakaran.

Sebagai pengenalan (selepas kata-kata alu-aluan Sultan Sharafuddin), buku ini memaparkan susur galur kesultanan Selangor bermula dari Daing Chelak yang bergelar Yam Tuan Muda Riau II hingga ke Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sememangnya menarik membaca sejarah kesultanan Selangor yang pernah pada satu masa menjadikan Kuala Selangor sebagai bandar diraja yang kemudian dipindahkan ke Kuala Langat sebelum berpusat sepenuhnya di Klang.

Seperkara yang menarik mengenai buku ini ia bukan sahaja melakarkan bangunan yang dikenali oleh banyak orang malah turut menonjolkan rumah kedai, masjid, kuil, pejabat, sekolah dan bank yang mempunyai nilai tersendiri.

Rakyat Selangor terdiri daripada pelbagai kaum malah populasi kaum Melayu juga diwarnai dengan asal usul yang berbeza seperti Jawa, Bugis, Mandaling dan Minangkabau.

Kepelbagaian ini menghasilkan reka bentuk bangunan yang mencerminkan identiti kaum dan agama masing-masing seperti masjid, kuil dan tokong yang merupakan tempat ibadat bagi setiap agama.

Struktur tertua yang dilakarkan dalam buku ini adalah kubu di Kuala Selangor yang dibina pada tahun 1766 dan menjadi benteng keselamatan kesultanan Selangor ketika itu.

Kedudukan kubu di atas Bukit Melawati itu turut berperanan sebagai pengawal lalu lintas sungai dan pada tahun 1784 kubu tersebut ditawan oleh Belanda.

Gedung Raja Abdullah yang dibina pada tahun 1856 merupakan satu lagi lakaran menarik dalam buku ini yang mempunyai keunikan tersendiri.

Ia merupakan bangunan Melayu tertua dibina `lari' daripada konsep biasa rumah-rumah Melayu yang menggunakan kayu sepenuhnya.

Bahagian atas bangunan dua tingkat itu dijadikan tempat tinggal Raja Abdullah manakala bahagian bawah dijadikan tempat menyimpan bijih timah.

Generasi muda mungkin tidak pernah tahu bangunan tersebut pernah dicadang untuk dirobohkan bagi membina gelanggang badminton polis.

Bagaimanapun bangunan tersebut berjaya diselamatkan melalui campur tangan Badan Warisan Malaysia yang diketuai oleh Tan Sri Mubin Sheppard ketika itu.

Beberapa bangunan sekolah juga mendapat tempat dalam buku ini seperti Sekolah Menengah Convent dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi yang kedua-duanya dibina pada tahun 1928.

Selain bangunan yang mempunyai nilai sejarah, buku ini turut memaparkan lakaran bangunan-bangunan moden seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Muzium Sultan Alam Shah, Menara Mesiniaga dan Litar Formula One antara bangunan-bangunan baru yang tidak ketinggalan ditonjolkan menerusi buku ini.

Buku ini pasti menarik sesiapa yang mempunyai hubung kait dengan negeri Selangor atau mana-mana pihak yang berminat dengan aktiviti memulihara peninggalan sejarah.

Ini kerana, bukan setakat bangunan yang dilakarkan, malah pintu gerbang Selangor, makam diraja turut diberi perhatian oleh penulis buku ini.

Setiap bangunan yang dilakarkan dalam buku dilengkapi sekurang-kurangnya dua lukisan bagi memberi gambaran yang jelas kepada pembaca sudut-sudut menarik di bangunan tersebut.

Buku terbitan Editions Didier Millet ini dijual pada harga RM125 senaskah dan boleh diperoleh di kedai-kedai buku utama atau menghubungi terus Badan Warisan Malaysia.

Bukan sahaja pencinta sejarah, peminat seni reka bentuk bangunan tanah air dan para pelajar patut mendapatkan buku ini untuk dijadikan bahan rujukan.

ARKIB : 27/01/2014

**Tidak rela jadi hutan batu**
Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

kota@utusangroup.com.my




ORANG ramai mahu Taman Botani Negara Shah Alam dikekalkan sebagai ikon pelancongan negeri Selangor dan tidak dimajukan dengan projek komersial. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

SHAH ALAM 26 Jan. - Rakyat Selangor tidak rela Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) di sini diserahkan kepada kerajaan negeri untuk dibangunkan dengan projek komersial kerana khuatir akan merosakkan ekosistem di sekitarnya.

Rata-rata mereka yang ditemui mahu TBNSA dikekalkan dan terus dijadikan ikon pelancongan negeri.

Seorang peniaga, **Afandy Mohd. Dahlan**, 46, berkata, sepatutnya ia terus dikekalkan sebagai kawasan hutan simpanan demi warisan generasi akan datang.

"Amat merugikan kalau kawasan sebegitu luas dibangunkan untuk projek komersial sebagaimana yang berlaku di kawasan sekelilingnya iaitu Bukit Bandaraya dan U16," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Utusan Malaysia baru-baru ini melaporkan, pusat rekreasi berkonsepkan alam semula jadi itu bakal menerima nasib sama seperti beberapa pusat latihan kemahiran GiatMara yang diarah tutup oleh kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Noh Omar berkata, beliau difahamkan pada tahun ini kerajaan negeri akan mengambil-alih taman tersebut yang dibuka dan diusahakan oleh kerajaan Pusat sejak 1986.

Afanday menambah, kerajaan telah menyediakan begitu banyak peruntukan bagi membangunkan TBNSA dan sewajarnya status quo tersebut dikekalkan.

Sementara itu, seorang usahawan, **Abu Bakar Latif**, 43, melahirkan rasa terkilan sekiranya kawasan rekreasi yang pernah menjadi tempatnya menghabiskan masa bersama keluarga dijual semata-mata mahu mencari dana.

"Saya lihat TBNSA sebagai ikon pelancongan yang amat menarik di negara ini dan keunikan suasananya di tengah-tengah bandar raya amat menakjubkan dan sewajarnya dikekalkan," ujarnya.

Pendapat sama turut dikongsi **Yusri Noh**, 26, yang berasa sedih jika taman tersebut bakal dikorbankan demi mencari sumber kewangan.

"Saya lihat di Shah Alam ini sudah tidak banyak kawasan hijau yang boleh dijadikan tempat untuk bersantai kerana diganti dengan 'hutan batu' yang semakin bertambah," katanya.

ARKIB : 28/11/2003

**Taman Seni Islam - Lambang kemakmuran seni Islam dan al-Quran**

Oleh ZUARIDA MOHYIN



Sebuah arca Allah daripada Seni Alkaf di tengah-tengah kompleks.

Kompleks Taman Seni Islam Selangor dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada September lalu.

Biarpun telah hampir tiga bulan beroperasi di bangunan baru serta memiliki lokasi yang strategik iaitu bersebelahan Masjid Negeri Selangor, bangunan Majlis Agama Islam Selangor dan Makam Di Raja Selangor, namun kewujudan kompleks ini masih kurang diketahui umum.

Hakikatnya, kompleks ini dibuka secara percuma kepada pengunjung beragama Islam dan penganut agama lain.

Ia merupakan mercu tanda di Negeri Selangor yang indah dan permai. Di samping itu, ia bukanlah satu tempat penyimpanan bahan-bahan artifak sejarah Islam seperti sebuah muzium tetapi lebih kepada tempat mereka cipta seni Islam yang sentiasa berkembang selari dengan peredaran zaman.

Selain itu, kompleks tersebut juga merupakan sebuah monumen yang melambangkan pencapaian usaha pemakmuran seni Islam dan budaya al-Quran yang sedang berkembang dewasa ini, tegas Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Abdul Latiff lagi, secara umumnya, kompleks ini adalah sebuah pusat pengembangan seni Islam bertaraf antarabangsa yang mencipta dan mengembangkan berbagai-bagai dimensi seni Islam.

``Ia dibina dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai sebuah pusat penjanaan budaya melalui seni yang berlandaskan nilai-nilai ajaran al-Quran.

``Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat membantu negara membina kekuatan bangsa menerusi pengukuhan budaya Melayu Islam.

``Ia berfungsi sebagai pusat menghasil, mempamer dan mengembangkan hasil karya seni Islam. Ia akan menghasilkan aktiviti penghasilan mushaf al-Quran, galeri seni,

akademi latihan, pusat pendidikan, pusat reka cipta dan pusat pemikiran serta rujukan kesenian Islam pertama seumpamanya di rantau ini,'' terang beliau lagi.

Akui Abdul Latiff, di antara keunikan kompleks ini ialah pendekatan dinamiknya dalam aspek pembelajaran yang dikenali sebagai konsep Rehalan Alami.

``Ia bermaksud merangsang pembelajaran ilmu berkaitan intisari al-Quran yang diterapkan melalui penghayatan berteraskan pengalaman.

``Melalui pendekatan ini, ia dapat membina kesedaran umat Islam dan mengajar bukan Islam tentang seni Islam,'' kata Abdul Latiff.

Menyingkap latar belakang pembinaannya, terang Abdul Latiff, kompleks ini lahir daripada gerakan penyebaran budaya al-Quran yang dijalankan melalui Projek Al-Quran Mushaf Malaysia sejak tahun 1994.

Ia terus berkembang sehingga ke peringkat termetrai komitmen bersejarah antara kerajaan Negeri Selangor dengan Yayasan Restu.

Alhamdulillah, satu-satunya mushaf al-Quran tempatan beriluminasi dan berwarna penuh pertama untuk awam (Taba`ah ma`aarij Al-Jamal) dan cetakan koleksi (Taba`ah `Ain At-Taqwa) berjaya dicetak.

``Manuskrip yang bernilai 21 juta ini, setiap lembarannya dihiasi dengan seni tampak Melayu Islam dari seluruh negeri di Malaysia. Lebih membanggakan ia disediakan oleh anak Melayu tempatan,'' kata Abdul Latiff.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan cetakan koleksi ini pada 18 Julai lalu. Ia membuktikan pengiktirafan kerajaan Malaysia atas usaha Yayasan Restu dalam memelihara seni Islam.

Mengulas perihal reka bentuk kompleks, jelas Abdul Latiff, kompleks yang berbentuk segi enam merupakan lambang memartabatkan iman yang tersimpul kukuh di dalam rukun iman yang enam.

Bentuk segi enam yang berkonsep sarang labah-labah, melambangkan ia sebagai pusat yang mengumpulkan sebahagian sumber-sumber kebaikan yang mendatangkan manfaat kepada ummah.

``Struktur besar di bahagian atas bangunan yang berbentuk seperti rehal adalah lambang kepada hasrat murni dalam menjunjung pengisian terhadap perintah Allah s.w.t. melalui kitab suci al-Quran.

``Manakala, struktur kedua yang juga berbentuk rehal melambangkan wadah pengisian melalui hadis Rasulullah s.a.w. Sementara, tiga tingkat bangunan kompleks adalah lambang kepada tiga asas utama dalam Islam; Iman, Islam dan Ihsan,'' jelas beliau.

Tambah beliau lagi, kompleks ini juga dilengkapi dengan bahagian-bahagian yang tersendiri. Ia terdiri daripada:

- Galeri Utama (Raudhah Al-Quran Mushaf Malaysia) adalah galeri induk yang menerajui keseluruhan aktiviti-aktiviti pameran. Ia mempamerkan lembaran manuskrip beriluminasi penuh al-Quran Mushaf Malaysia.

- Galeri Kedua (Raudhah Nur Fatimah) yang mempamerkan projek al-Quran Mushaf Nur Fatimah dan hasil-hasil seni Islam.

- Galeri Ketiga (Raudhah As-Sakina) mempamerkan hasil kesenian Islam antarabangsa dan juga pameran semasa.

- Galeri Reka Cipta adalah bahagian penghasilan manuskrip al-Quran beri luminasi.

- Galeri Ilmu pula menampilkan bahan rujukan budaya dan seni Islam.

- Galeri Tunas adalah pusat aktiviti dan perkembangan minda kanak-kanak.

- Galeri Cenderahati, menjual produk cenderahati dan penyebaran mushaf al-Quran dan lain-lain.

- Galeri kraftangan dan Bahagian Muamalat, mempamerkan aktiviti penghasilan kraftangan dan pusat operasi jabatan Muamalat.

Harapan Abdul Latiff, usaha memartabatkan seni Islam di persada Nusantara dan dunia akan terus diperjuangkan di kompleks ini, insya-Allah.

Sebagai salah satu usaha memperkasa budaya bangsa dan menjana kesenian Islam, Yayasan restu telah menubuhkan Kolej Restu. Ia adalah sebuah entiti di bawah naungan Yayasan Restu dan merupakan sebuah IPTS yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

``Peranan utama kolej ini ialah sebagai pusat pengembangan ilmu Islam yang berlandaskan kepada kesenian.

``Kolej ini juga menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma di bawah Kulliyyah Seni Al-Quran, Seni Gunaan, Teknologi, Komunikasi dan Maklumat, dan Pengurusan Perniagaan,'' kata beliau mengenai kolej yang beroperasi di bawah bumbung yang sama.

ARKIB : 08/08/2008

**Keunikan Galeri Diraja**

Oleh siti khairulnisah mohammed bajuri



KLANG 7 Ogos - Tak kenal maka tak cinta. Maka kenali ia dengan lebih dekat untuk mengenali keunikannya. Inilah ungkapan yang mungkin paling sesuai untuk menggambarkan keunikan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di sini.

Galeri Diraja yang berada di dalam sebuah bangunan yang dibina pada tahun 1909 bercirikan seni bina klasik kolonial ini terletak di Jalan Istana berhampiran dengan Istana Alam Shah.

Apa yang menarik, pengunjung boleh melihat sendiri dengan lebih dekat koleksi peribadi yang dikumpulkan oleh Sultan Selangor yang kelapan atau lebih dikenali sebagai sultan berjiwa rakyat di kalangan rakyat Selangor iaitu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj.

Galeri setinggi dua tingkat ini yang lahir dari cetusan idea Sultan Salahuddin itu menyimpan lebih 1,500 koleksi peribadi baginda, hadiah rakyat jelata dan sumbangan pemimpin, raja-raja dan ketua-ketua negara dari seluruh dunia.

Di samping itu, pengunjung boleh melihat sendiri dengan lebih dekat salasilah kerabat diraja Selangor serta asal-usul kerajaan Selangor.

"Galeri ini sudah lama wujud iaitu sejak Mei 1988 lagi tetapi waktu itu ia menjadi sebahagian kawasan larangan istana.

"Pada waktu itu, galeri ini dipanggil sebagai Muzium Kenangan yang berfungsi sebagai tempat menyimpan koleksi peribadi dan juga barangan peribadi peninggalan nenek moyang Almarhum baginda," jelas Pengarah Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Munasor Aliyasak.

Katanya, sebelum ini galeri tersebut hanya dikunjungi oleh pengunjung yang mendapat jemputan baginda sahaja.

"Tetapi pada 1996, Almarhum Sultan mula terfikir untuk membuka galeri tersebut untuk tatapan umum khususnya rakyat negeri Selangor.

"Baginda berpendapat adalah perlu untuk menanam rasa cinta masyarakat terhadap pentingnya menghargai dan berbangga terhadap warisan sendiri dan dalam masa yang sama, baginda ingin berkongsi keseronokan bersama rakyat.

"Mungkin dengan cara ini sekurang-kurangnya baginda dapat mendidik masyarakat umum supaya mencintai seni warisan sendiri," jelasnya ketika ditemui di sini.

Sejak itu, kata beliau, galeri tersebut mula dirancang untuk tontonan umum dengan kerja-kerja ubah suai mula dilakukan. Ia siap sepenuhnya pada Oktober 1998.

Menurutnya, setiap koleksi yang dipamerkan di galeri itu dikelaskan berdasarkan jenis barangan supaya pengunjung boleh menghayati keunikannya secara lebih dekat kerana setiap satu bahan pameran itu ada ceritanya yang tersendiri.

Munasor berkata, susun atur barangan dalam galeri itu mendapat nasihat daripada Muzium Negara supaya lebih teratur dan memudahkan pelawat melihat setiap koleksi yang dipamerkan.

Beliau menambah, Galeri Diraja itu mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri Selangor.

Malah, Menteri Pelancongan, Datuk Azalina Othman Said telah berjanji untuk mempromosikan galeri itu di dalam dan luar negara setelah beliau tertarik dengan koleksi yang dipamerkan.

Selain koleksi peribadi Sultan Salahuddin, terdapat juga barangan peninggalan daripada sultan-sultan dan kerabat diraja Selangor sebelum ini.

Antara tarikan utama galeri itu ialah Mahkota Leleng yang mula digunakan pada era zaman Sultan Muhamad iaitu Sultan Selangor yang ketiga hingga kini.

Mahkota itu dipakai pada acara rasmi seperti Hari Pertabalan dan Hari Keputeraan Sultan.

Mahkota itu dihiasi dengan permata, intan dan berlian dari Pontianak, Indonesia serta delima yang diikat dengan emas 10 iaitu emas asli dari Pahang.

Koleksi lain yang turut dipamerkan termasuk pelbagai jenis cap mohor rasmi yang digunakan oleh Sultan-sultan Selangor yang terdahulu dan juga kerajaan Selangor.

Cop mohor tertua yang masih kekal dan dipamerkan di galeri itu adalah cop mohor yang digunakan oleh Sultan Selangor yang keempat iaitu Sultan Sir Abdul Samad Ibni Raja Abdullah yang memerintah negeri Selangor dari tahun 1857 hingga 1898.

Tarikan lain yang turut dipamerkan adalah seperti koleksi topi besi pahlawan Jepun iaitu kotak yang dihias cantik dan di negara Jepun, kotak itu digunakan hanya untuk menyimpan abu mayat pahlawan yang gugur di medan perang.

Turut dipamerkan termasuklah koleksi lukisan, gambar-gambar keluarga diraja, barangan kaca, kristal, seramik, tembaga, pewter, darjah kebesaran, model bangunan dan istana, model kereta api, peralatan kapal laut, basikal, cenderahati, jam, senjata, binatang peliharaan, buku dan pelbagai barangan peninggalan diraja.

Sumber : http://www.utusan.com.my
Tarikh Akses : 30 Januari 2014

Headline: Bawa keluarga beriadah
Publication: HM
Date of publication: Jan 18, 2014
Section heading: Main Section
Page number: 045
Byline / Author: Oleh Nur Saliawati Salberi

Shah Alam: Cuti panjang tiga hari sempena Thaipusam dan hujung minggu digunakan sebaik mungkin oleh orang ramai meluangkan masa bersama keluarga sama ada dengan membawa ahli keluarga bercuti atau beriadah bersama bagi merehatkan diri selepas penat bekerja.

Peluang menghabiskan masa bersama keluarga diisi dengan pelbagai aktiviti berfaedah bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kasih sayang antara ahli keluarga.

Tinjauan Harian Metro ke beberapa tempat tumpuan seperti taman rekreasi dan i-City mendapati ia dipenuhi pengunjung yang kebanyakannya datang bersama keluarga, malah ada yang datang dari luar Selangor hanya kerana m.ahu meluangkan masa bersama keluarga.

Azizah Barhan, 30-an dari Port Dickson berkata, kunjungan pertama kali ke i-City membawa seribu kenangan, selain dapat meluangkan masa bersama suami dan keluarga tercinta.

"Sebelum ini hanya dengar cerita dari rakan dan sekarang saya dapat merasai sendiri keunikan disediakan di sini, selain anak dan ibu begitu teruja.

"Walaupun suhu sejuk, ia tidak menghalang kami untuk terus mengabdikan kenangan dengan keunikan ukiran diperbuat daripada ais," katanya ketika ditemui di Snow Walk i-City, semalam.

Menurutnya, sebelum ini dia bersama suami pernah merancang datang, tetapi tidak kesampaian.

Bagi Khairi Ismail, 28, dari Teluk Intan, dia dan beberapa ahli keluarga lain sudah berpakat meluangkan cuti Thaipusam bersama dengan aktiviti mandi-manda.

"Bukan selalu dapat cuti bersama-sama, jadi bila ada peluang seperti ini kami rancang satu aktiviti yang berfaedah di mana kami semua dapat melakukan aktiviti riadah dengan selamat.

"Ini kali pertama saya datang ke sini (i-City Water Park) dan permainan serta kemudahan yang ada sesuai untuk aktiviti keluarga," katanya.

Bagi Nuraishah Mat Daim, 29, dia bersama suami sering kali membawa dua anak lelakinya ke taman rekreasi jika ada masa terluang.

"Kualiti masa bersama keluarga penting, anak-anak bukannya mengharapkan ibu bapa membawa mereka bercuti ke luar negara tetapi masa bersama mereka itu yang berharga," katanya.

Headline: Pengunjung i-City disasar meningkat 20 peratus

Publication: HM
Date of publication: Jan 29, 2014
Section heading: Main Section
Page number: 036

Shah Alam: Pemaju i-City, i-Berhad mensasarkan peningkatan pengunjung kepada 20 peratus daripada 90,000 orang pada setiap minggu sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 (TMM 2014) dan Tahun Baru Cina.

Usaha berterusan dilakukan bagi mempromosikan i-City dilihat mampu meningkatkan jenama itu sebagai satu lokasi yang perlu dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara.

Pengerusinya, Tan Sri Lim Kim Hong berkata, beliau yakin sasaran itu mampu dicapai memandangkan bertambahnya sentuhan kreatif yang diubah suai menjadi 'Misi Ke Angkasa' dan bakal menjadi tarikan terbaru di i -City sebelum dibuka kepada orang ramai pada 30 Januari ini.

"Misi Ke Angkasa yang berkeluasan lebih 30,000 kaki persegi akan memberikan nilai tambah kepada tarikan sedia ada di i-City seperti House of Horror, Red Carpet Wax Museum, Snowalk, WaterWorld, Trick Art Museum and City of Digital Lights," katanya pada majlis lawatan media ke i-City, semalam.

Bakal dibuka pada malam Tahun Baru Cina, tarikan terbaru itu menawarkan satu pengalaman yang direka khas bagi memberikan peluang kepada pengunjung merasai perjalanan di angkasa lepas.

"Pengiktirafan Tourism Malaysia yang mengangkat i-City sebagai destinasi pelancongan utama Malaysia dan Selangor tahun ini memberi peluang kepada kami menambah baik perkhidmatan dan tarikan yang boleh menggamit kehadiran pengunjung," katanya.

Headline: Panduan melancong di Lembah Klang
Publication: BM
Date of publication: May 5, 2013
Section heading: Kembara
Page number: 005

Bluedale Publishing (M) Sdn Bhd kini menjenamakan semula buku panduan perjalanan percuma, Klang Valley 4 Locals yang boleh diperolehi di semua lapangan terbang utama negara.

Diedarkan sejak empat tahun lalu, buku panduan itu didapati di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang; Terminal Pengangkutan Kos Rendah (LCCT), Sepang; Subang Skypark di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selain lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu, Kuching dan Langkawi.

Beri maklumat berguna

Penjenamaan semula Klang Valley 4 Locals ini adalah untuk memberikan lebih kemudahan selain memberi maklumat berguna untuk pelancong sama ada tempatan atau dari luar negara.

Penerbitnya, Lydon Yap, berkata buku itu juga merangsangkan aktiviti perniagaan tempatan di sekitar Lembah Klang dengan memberikan maklumat mengenai tempat makan, membeli-belah atau tempat lepak ketika masa lapang.

Buku ini diterbitkan bahasa Melayu dan Inggeris diharap dapat memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan pelancong asing.

Ia memuatkan tempat bersejarah, tempat menarik untuk dilawati, makanan tempatan, tempat membeli-belah dan aktiviti yang berkaitan dengan industri pelancongan, katanya.

Tidak seperti buku panduan yang lain, yang mana kebanyakannya hanya memperkenalkan tempat yang sudah pun menjadi kebiasaan, Klang Valley 4 Locals menyediakan maklumat mengenai tempat terbaik yang boleh dikunjungi. Sebagai contoh, Yong Tau Foo yang memenuhi selera semua orang, termasuk kisah di sebaliknya.

Gambar interaktif

Selain memperkenalkan tempat menarik, buku ini turut menawarkan gambar interaktif termasuk gambar bersejarah dan info yang berkaitan disertai dengan koordinat GPS.

Mendapat kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Klang Valley 4 Locals dijangka dapat membantu meningkatkan industri pelancongan domestik seterusnya

menggalakkan rakyat tempatan bercuti dalam negara.

Menurut Lyndon, antara contoh terbaik Klang Valley 4 Locals, adalah memberikan paparan istimewa mengenai Kota Damansara dan memberikan serba sedikit info tentang tempat tersebut.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penduduk di Lembah Klang mempunyai penduduk hampir tujuh juta orang, merangkumi 13 pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ini meliputi kawasan dari Kuala Selangor sehingga Port Dickson, Pelabuhan Barat sehingga kaki gunung di sepanjang Lebuh Raya Karak. Malahan Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar diharapkan dapat terus berkembang seperti bandar raya besar di Asia Tenggara, yang mana mempunyai kemudahan yang lengkap bagi pelancong, katanya.

Selain di lapangan terbang, buku Klang Valley 4 Locals setebal 144 muka surat turut diedarkan secara percuma di 94 pejabat kedutaan. Buku ini diterbitkan empat kali setahun.

Bagi sentiasa berhubungan dengan teknologi, Klang Valley 4 Locals, juga turut terdapat dalam aplikasi di atas talian Google Play dalam telefon Android. Untuk muat turun aplikasi ini, taip www. klangvalley4locals.com.my. Bluedale Publishing turut menerbitkan buku panduan Uzbekistan The Guide yang dilancarkan pada September 2012.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai Klang Valley 4 Locals, hubungi 03- 78859219, atau emel kepada enquiry@ bluedale.com.my selain www.facebook.com.my/kltheguide dan di akaun Twitter @kltheguide.

(END)

Headline: Taman botani terbesar
Publication: HM
Date of publication: Dec 27, 2012
Section heading: Variasi
Page number: 004
Byline / Author: Oleh Suliati Asri

SESI persekolahan untuk 2013 bakal bermula beberapa hari saja lagi. Semua persiapan tentunya sudah pun dilengkapkan.

Situasi itu tidak bermakna aktiviti menghabiskan hujung minggu hingga penghujung tahun ini sudah pun berakhir.

Anda yang tidak bercuti ke luar negara dan sekadar bercuti di kota raya juga antara langkah bijak serta menyeronokkan bersama keluarga tersayang.

Justeru, anda yang merancang untuk menghabiskan cuti hujung minggu yang terakhir di tahun ini bersama anak-anak, destinasi tarikan kota raya di bawah ini mungkin dapat membantu.

Legoland, Johor

Kemeriahan pasti dirasai saat bermain pelbagai permainan di taman tema Legoland Malaysia yang juga pertama di Asia. Terletak di Nusajaya, Johor, Legoland Malaysia adalah taman tema keenam seumpamanya yang dibuka di dunia selepas Legoland di Billund, Denmark (1968), Windsor, England (1996), California, Amerika Syarikat (1999), Jerman (2002) dan Florida, Syarikat (2005).

Di sini, lebih 40 tarikan yang dibina khusus untuk seisi keluarga dan pastinya membuatkan hujung minggu anda meriah dengan gelak tawa dan jeritan gembira setiap pengunjung.

Antara tarikan yang menanti anda di Legoland Malaysia itu termasuklah Miniland, apabila lebih 30 juta bongkah lego digunakan untuk membina monumen terkenal dunia termasuk Menara Berkembar Petronas, Merlion, Taj Mahal dan Candi Borobodur.

Bangunan itu direka menggunakan bongkah lego dengan skala 1:20. Menariknya, anda boleh melihat karya ini 'hidup' dengan hanya menekan butang dan menyaksikan kapal terbang, kereta api dan pejalan kaki bergerak.

Tarikan lain di taman tema ini termasuk Land of Adventure, Lego City, Lego Kingdom, Lego Technic dan Imagination.

Di taman tema ini juga anda dapat melihat struktur tertinggi di Legoland Malaysia dengan ketinggian kira-kira 60 meter di atas tanah iaitu Menara Pemerhati.

Lebih membanggakan ia adalah menara pemerhati Legoland yang dibina di dunia selepas menara yang sama dibina di Denmark dan Jerman.

Di penghujung kunjungan bersama anak-anak, senyuman lebar pastinya terukir di bibir mereka tatkala dapat membawa pulang pelbagai mainan menarik di kedai-kedai cenderahati di Legoland Malaysia.

KidZania, Selangor

Sesekali memberi peluang kepada anak-anak menjadi orang dewasa pasti sesuatu yang cukup menggembirakan mereka.

Ini kerana anak-anak anda boleh melakukan pelbagai pekerjaan yang diimpikan di KidZania.

Diasaskan di Mexico City pada 1999, taman tema KidZania itu turut dibina di lapan bandar raya serata dunia termasuk Seoul, Dubai, Monterrey dan Tokyo.

KidZania adalah suatu tempat yang cukup menyeronokkan dan unik apabila kanak-kanak diberi peluang menjadi orang dewasa dengan pelbagai kegiatan serta aktiviti disediakan khusus untuk yang berusia 4 hingga 14 tahun.

Terdapat 60 'syarikat' di KidZania yang menawarkan peluang kepada kanak-kanak untuk 'bekerja' seperti ibu bapa mereka, sama ada sebagai seorang juruterbang, ahli bomba, jururawat, tukang masak, peguam mahupun doktor gigi.

Ada juga ruangan khas untuk bayi yang dikenali sebagai 'Rumah Urbano'. Di sini, kanak-kanak yang berusia 3 tahun dan ke bawah berpeluang melakukan pelbagai aktiviti termasuk mendengarkan kisah penceritaan, memasak makanan kegemaran mereka dan mewarna.

Justeru, jangan lepaskan peluang membawa anak-anak ke KidZania, bandar yang dibina khusus untuk kanak-kanak di hujung minggu akhir pada tahun ini. Ia pasti pengalaman percutian yang paling menyeronokkan.

Fort Cornwallis, Pulau Pinang

Namanya sempena Gabenor Jeneral Bengal akhir kurun ke-17 iaitu Charles Cornwallis, Fort Cornwallis antara salah satu mercu tanda bersejarah di Georgetown yang terletak berhampiran Esplanade, bersebelahan dengan Jam Memorial Victoria.

Dinding kubu setinggi lebih kurang 3 meter ini dibina dalam bentuk bintang. Mengambil masa selama lebih kurang 10 minit untuk mengelilingi kubu ini, pelbagai maklumat dan keunikan yang bakal diperoleh.

Di dalam kubu ini juga terdapat tinggalan struktur lama yang dibina berkurun lamanya. Ia membabitkan sebuah gereja kecil, penjara, kawasan penyimpanan senjata, lampu rumah api pernah diguna untuk memberi amaran kepada kapal, tiang bendera asal dan beberapa meriam gangsa lama yang salah sebuah daripadanya meriam Belanda, dikenali Seri Rambai, bertarikh 1603.

Sesuatu yang menarik berkenaan meriam Seri Rambai apabila sesetengah penduduk tempatan percaya ia boleh memberi kesan positif terhadap kesuburan wanita.

Tapak bersejarah yang diuruskan secara persendirian ini popular di kalangan pengunjung. Ia dilengkapi dengan kiosk informasi pelancong, sebuah kafe, dewan terbuka, galeri sejarah, pusat cenderamata dan jurupandu yang boleh membawa anda lawati kawasan kubu sambil memberi penerangan berkenaan sejarahnya.

Rembau Crystal, Negeri Sembilan

Antara tarikan yang menarik untuk dikunjungi di Negeri sembilan pula ialah Rembau Crystal. Dibuka pada 1 Disember 2007, kompleks perkampungan kristal yang terbesar ditubuhkan Institut Negeri Sembilan di daerah Rembau.

Rembau Crystal Village juga sebuah kompleks latihan, pengilang dan tapak pameran. Struktur galeri Rembau Crystal turut kelihatan unik dalam warisan seni bina Melayu Minangkabau.

Barangan yang dibuat dan dijual di sini semuanya diperbuat daripada kristal dalam bentuk yang berbeza. Ini termasuk lampu meja, aksesori, cenderahati kristal dan pinggan mangkuk. Kristal yang dibuat dengan standard tertinggi antarabangsa turut dijual di sini.

Kampung kristal juga tempat untuk belia tempatan mempelajari kraf pembuatan kristal selain peluang untuk menjual kraf tangan mereka. Pada masa sama membantu meletakkan Rembau di atas peta pelancongan negara. Berkunjunglah ke perkampungan kristal terbesar itu dan temui barangan jualan yang hebat!

Botanical Garden (Taman Botani), Putrajaya

Taman botani terbesar di negara ini dan ia meliputi kawasan seluas lebih daripada 92 hektar. Taman ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bunga-bungaan, tumbuhan dan tujuan pemuliharaan atau penyelidikan.

Buat masa ini, taman berkenaan mempunyai lebih daripada 700 spesies tumbuhan berbunga, tumbuhan tempatan dan tumbuhan dari rantau Asia-Pasifik serta Afrika.

Malah taman juga berfungsi sebagai pusat kajian dengan koleksi pelbagai tujuan. Kanak-kanak pasti teruja dengan koleksi yang banyak dan bunga-bungaan eksotik serta para pendidik dapat melihat banyak spesies tumbuhan di pusat kajian.

Terdapat juga Pusat Tafsiran Pelawat (VIC), denai penjelajah, palm hill, taman matahari dan flora untuk pelawat yang mahu merasai pengalaman hebat dari Taman Botani.

Bawa pulang sedikit koleksi menarik dari kedai cenderamata yang menawarkan buah tangan mesra alam.

Menara Taming Sari, Melaka

Menyaksikan panorama indah dan kawasan bersejarah di Bandar Melaka pada ketinggian 80 meter pastinya sesuatu yang cukup menyeronokkan.

Itulah yang pastinya dirasai tatkala menaiki Menara Taming Sari. Keindahan selat Melaka yang luas dan pembangunan pesat di bandar bersejarah itu pasti menjadikan lawatan anda penuh dengan memori indah yang tidak dapat dilupakan.

Menara Taming Sari yang terletak di Jalan Merdeka, Banda Hilir, dibuka pada 18 April 2008. Menara setinggi 110 meter ini direka berinspirasikan lagenda Keris Taming Sari.

Menara Taming Sari adalah yang pertama di negara kita yang mempunyai struktur berpusing sepenuhnya. Kabin berhawa dingin yang selesa buat pengunjung boleh memuatkan 66 orang bagi satu masa.

Muzium Kucing, Sarawak

Salah satu keunikan di Bandaraya Kuching, adalah Muzium Kucing terletak di bangunan Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuching Utara di Bukit Siol, Jalan Semariang, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

Dimiliki Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), terdapat 2,000 pameran, artifak, tugu berkenaan kucing dari seluruh dunia.

Muzium itu meliputi kawasan seluas 1,035.9 meter persegi di atas bukit yang dipanggil 'Bukit Siol' yang terletak 60 meter di atas paras laut dengan pemandangan Bandaraya Kuching yang mempesonakan.

Selain itu, Muzium Kucing bertanggungjawab menjalankan kajian, pengumpulan, pembentangan, dokumentasi, promosi, penerbitan, pendidikan dan kesedaran mengenai tinggalan bersejarah, budaya dan persekitaran semula jadi.

Headline: Keindahan flora, fauna
Publication: HM
Date of publication: Apr 26, 2012
Section heading: Variasi
Page number: 004
Byline / Author: Oleh Siti Salmiah A Hamid

LOKASINYA sejauh 70 kilometer dari Kuala Lumpur dan pernah dikenali pusat perindustrian lombong bijih timah yang banyak memberi perubahan kepada sejarah awal Malaysia.

Berkeluasan 117,844 hektar, daerah Kuala Selangor terletak di barat laut negeri Selangor yang bersempadan dengan Klang di selatan, Hulu Selangor di timur dan Selat Melaka di barat.

Hasil peninggalan Melayu lama, Kuala Selangor kini dikenali bandar bersejarah yang mampu menarik pelancong tempatan dan asing dari serata dunia.

Lawatan media bersama Tourism Selangor Sdn Bhd dan penulis blog di Malaysia memberi peluang meneroka pelbagai tempat menarik di sekitar Kuala Selangor.

Tourism Selangor turut mengadakan pertandingan Fotografi Tercantik bagi menghargai seni dan kreativiti masyarakat.

Taman Alam Kuala Selangor

BERKELUASAN 2.4 kilometer persegi di muara sungai, Taman Alam Kuala Selangor dibuka pada 1987 oleh Kerajaan Selangor dan diuruskan Persatuan Pencinta Alam Malaysia.

Dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hutan hujan tropika yang berkeluasan 201 hektar manakala hutan paya bakau meliputi kawasan seluas 95 hektar.

Ia adalah lokasi persinggahan sekumpulan burung yang berhijrah dari hemisfera utara ketika musim sejuk ke hemisfera selatan.

Perkara ini adalah rutin sepanjang tahun antara September hingga April.

Hutan paya bakau berperanan sebagai tempat membiak dan sumber makanan burung hijrah dan haiwan tempatan.

Hampir 156 spesies burung direkodkan mendarat di kawasan ini, namun 57 daripadanya adalah burung hijrah dari Russia, Australia dan sekitar kawasan Siberia.

Pelbagai spesies burung seperti ketitir, pekaka, raja udang dan helang masih mengekalkan habitatnya di sini manakala burung hijrah seperti pucung serandau, bangau besar, tirjup tanah dan tirjup rimau yang turut dikenali sebagai tiger shrike.

Selain menikmati panorama fauna, pelancong berpeluang menghayati keindahan flora dengan lebih dekat di samping melakukan aktiviti seperti perkhemahan, pemerhatian burung, berakit, berkenu, merentas desa dan memancing.

Bukit Malawati

BERDASARKAN sejarah, Kuala Selangor menjadi pusat pemerintahan Negeri Selangor sehingga 1857, sebelum berpindah ke Jugra dan Klang.

Pada akhir abad ke-17, Sultan Ibrahim mempertahankan Bukit Malawati sebagai kubu yang melindungi negeri itu daripada ditawan Belanda namun gagal.

Serangan British turut memusnahkan sebahagian kubu di atas Bukit Malawati.

Hingga hari ini, pelancong hanya dapat melihat taburan runtuhan konkrit, binaan batu asas dan dinding bersama 68 meriam asal yang digunakan ketika mempertahankan kubu.

Bukit Malawati turut terkenal dengan legenda batu hampar yang diletakkan di tengah pintu masuk ke Kota Malawati.

Ia pernah digunakan sebagai tempat memancung kepala apabila seorang dayang dikatakan berzina dan darahnya disiram di sekeliling istana sebagai peringatan kepada masyarakat.

Kesannya dapat dilihat hingga ke hari ini apabila pokok angsana ditoreh mengeluarkan getah berwarna merah yang kelihatan seperti darah.

Turut ditemui meriam penggawa atau nama asalnya Petoi Boga bermaksud Puteri Putih yang sentiasa dibalut dengan kain kuning. Ditemui di pinggir Sungai Buluh pada 1966, meriam penggawa dibawa ke kota ini bagi menggantikan meriam yang tiada.

Selain itu, pelancong boleh melawat Rumah Api yang dibina pada 1907 dan masih berfungsi sebagai petunjuk kapal yang berlayar di Selat Melaka.

Tinggalan sejarah seperti telaga tujuh, tangga seratus dan perigi beracun masih dalam keadaan baik di samping makam anak dara, makam diraja dan menara tinjau yang dibina untuk melihat anak bulan bagi umat Islam.

Perkhidmatan trem disediakan hanya pada hujung minggu dengan bayaran RM2 bagi setiap penumpang.

## Taman Ikan Air Tawar

TERLETAK bersebelahan Taman Alam dengan keluasan dua hektar, Taman Ikan Air Tawar antara produk pelancongan yang dibangunkan Majlis Daerah Kuala Selangor.

Operasi yang bermula pada 2009 menghimpunkan 1,500 ikan pelbagai jenis, 60 daripadanya spesies ikan air tawar seperti toman, belida, lampam, keli, kelah dan kelisa.

Sebahagian besar ikan ini diperoleh dari Sungai Selangor dan paya berdekatan.

Selain ikan, taman ini turut menempatkan pelbagai jenis burung, taman dengan landskap semula jadi serta teater mini, kedai cenderamata dan peralatan menangkap ikan secara tradisional seperti bubu, raga dan serkap.

Taman ini amat sesuai dijadikan pusat pendidikan dan pembelajaran hidupan air tawar kerana menempatkan galeri maklumat, sejarah ikan air tawar, jenis ikan, jenis peralatan dan jenis akuarium.

Dibuka dari jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang setiap hari, bayaran masuk RM2 dikenakan untuk dewasa.

## Kampung Kuantan

KAMPUNG Kuantan memang terkenal dengan serangga yang bercahaya di ekornya, namun spesies yang banyak di perkampungan ini adalah 'pteroptyx tener'.

Berukuran enam milimeter, ia dianggap unik kerana mengeluarkan cahaya serentak pada setiap masa iaitu pada kadar tiga kelipan sesaat.

Kelip-kelip jantan mengeluarkan cahaya yang lebih terang untuk menarik perhatian kelip-kelip betina. Jangka hayatnya pula antara enam hingga tujuh bulan.

Kelip-kelip betina mampu bertelur sehingga 20 biji dan hingga kini hampir 1,900 spesies berjaya direkodkan.

Pokok bakau jenis berembang yang banyak tumbuh di sepanjang Sungai Selangor menarik perhatian kelip-kelip.

Jika mahu melihat lebih dekat, pelancong perlu membayar RM40 untuk empat orang dan menggunakan sampan selama 20 minit.

Pada 2011, Kampung Kuantan menerima kunjungan hampir 24,000 pelancong asing dan tempatan.

Tidak menghairankan kerana fenomena semula jadi di sini pasti membuatkan pelancong terpegun, seolah-olah melihat pokok krismas yang dihiasi lampu.

Untuk sampai ke sini, perjalanan sejauh 56 kilometer dari Kuala Lumpur akan mengambil masa hampir sejam.

Info

Majlis Daerah Kuala Selangor

Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-3289 1439/1549/2423

Web: www.mdks.gov.my

Bagaimana ke sini

Dari Kuala Lumpur boleh melalui Lebuhraya Latar, Guthrie atau Lebuhraya Utara-Selatan.

Dari Timur pula perlu memasuki Sungai Buloh atau Batang Kali seterusnya ikuti arah jalan ke Kuala Selangor.

Headline: Tulis nama atas batu
Publication: BM
Date of publication: Sep 25, 2011
Section heading: Rona
Page number: 020
Byline / Author: Oleh Alzahrin Alias

"KALAU pergi Kuala Kubu, tulis nama atas batu..". Itu sebaris bait lagu Sudirman Arshad yang memperkenalkan pekan Kuala Kubu ke seluruh negara. Mungkin ramai tidak tahu di sebalik lagu berkenaan, pekan Kuala Kubu menyimpan 1,000 sejarah dan ada keunikan tersendiri.

Apakan tidak, bandar ini pernah muncul sebagai kawasan penting Hulu Selangor dan begitu pesat pembangunannya, namun dilanda kemusnahan yang juga terlalu cepat dan sukar dibayangkan.

Kuala Kubu Bharu (KKB) terletak kira-kira 66 kilometer dari ibu negara dan bagi mereka yang pertama kali ke sini, tidak perlu khuatir tersesat kerana tempat ini terletak dalam perjalanan ke Bukit Fraser.

Mengikut sejarah, kawasan ini dulu terkenal dengan lombong bijih timah dan besi sebelum diambil alih oleh British. Pernah diceritakan, KKB juga kawasan tumpuan dan pilihan tempat tinggal pegawai atasan British kerana faktor cuaca dan lokasinya.

Namun sepanjang penjajahan Jepun dan era komunis, KKB diisytiharkan kawasan hitam kerana di sini jugalah Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya, Sir Henry Gurney ditembak mati pengganas.

Untuk mengetahui lebih banyak keunikan kawasan ini, penulis bersama jurugambar, Aizuddin Saad dan beberapa rakan sekerja bergerak ke KKB, baru-baru ini dan sebaik melepasi sempadannya, sudah terasa kedinginan angin kerana kawasan ini terletak di kaki bukit dan dipenuhi pemandangan hijau sepanjang perjalanan.

Lokasi pertama kami adalah pekannya yang menempatkan barisan bangunan era kolonial dalam susunan sungguh teratur, kekal dengan unsur seni bina British. Pelbagai kemudahan ada di sini, termasuk restoran, kedai menjual keperluan harian. Walaupun tidak sebesar bandar berdekatan, pekan ini sudah cukup lengkap bagi penduduk setempat.

Penulis tertarik dengan keindahan seni bina bangunannya dan terkejut apabila mengetahui kebanyakan bangunan di sini dibina sekitar 1930-an lagi. Begitu kukuh seni binanya hingga struktur yang sudah mencecah usia sekitar 80 tahun itu masih berdiri gagah walaupun ada beberapa penambahbaikan dilakukan di ruang dalamnya.

Satu lagi kelebihan KKB ialah kemesraan penduduknya, rata-rata tidak lokek untuk berkongsi sejarah dan tempat menarik yang ada. Di pekan ini jugalah kami bertemu pakar sejarah yang juga anak jati KKB, Abdul Rahim Noor Mohammad dan rakannya, Amiruddin Sohor yang turut bertindak sebagai pemandu pelancong kami.

Mungkin ramai tidak tahu KKB sebenarnya menyimpan banyak sejarah dan menurut Abdul Rahim, kawasan ini pernah dilanda banjir besar pada 1883 selepas empangan besar di situ pecah, puncanya dibom oleh pegawai British ketika itu, Cecil Ranking kerana ingin mencari buaya putih yang sering menjadi tajuk perbualan masyarakat setempat ketika itu.

Akibatnya, Kuala Kubu ditenggelami air dan hampir 1,500 penduduk kehilangan tempat tinggal selain membabitkan jumlah korban yang tinggi, termasuk Ranking.

Lantaran itu, dua tugu peringatan dibina di pekan KKB bagi memperingati kejadian itu, satu memorial buat Ranking dan satu lagi dikenali sebagai Tugu Buaya Putih. Agak mengecewakan kerana dua tugu bersejarah ini tidak dijaga dengan sempurna oleh pihak berwajib.

Selain itu, ada juga satu lagi tugu bersejarah dibina sempena sambutan Jubli Perak King George V berdepan Masjid Jamek KKB. Walaupun menyimpan nilai sejarah yang tinggi, nasibnya sama seperti dua tugu lain, diabaikan tanpa sebarang perhatian.

Menurut Abdul Rahim, beberapa tahun lalu, ada kerabat diraja Britain melawat kubu berkenaan dan sehingga kini jalinan hubungan mereka dengan penduduk setempat masih utuh.

Puas melawat sekitar pekan KKB, kami meneruskan perjalanan ke Santuari Ikan Kelah Sungai Chiling. Untuk ke sini, perlu berjalan kaki selama kira- kira 30 minit dari kawasan letak kereta menghala ke arah Bukit Fraser. Bagi mereka yang tidak gemar aktiviti luar, jangan risau kerana anda akan terhibur dengan pemandangan indah sepanjang perjalanan.

Terletak dalam Hutan Simpan Hulu Selangor, sepanjang laluan tersaji persekitaran dan pemandangan indah pelbagai flora dan fauna, termasuk periuk kera yang tumbuh dengan galaknya disokong faktor cuaca agak sejuk berikutan lokasinya di kaki gunung.

Belum sempat tiba di lokasi, hujan pula menimpa bumi namun semangat dan keinginan untuk melihat aksi kelah membuatkan kaki tetap gagah melangkah. Terasa puas sebaik tiba di sungai yang sejuk dan jernih airnya, namun arus sungai yang agak deras mungkin disebabkan hujan ketika itu, memadamkan terus hasrat kami untuk bermandi-manda.

Santuari Ikan Kelah Sungai Chiling yang lengkap dengan pengawal, hanya dibuka pada Jumaat, Sabtu dan Ahad. Pelbagai kemudahan turut dibina seperti surau, tandas dan kawasan perkhemahan. Ada juga beberapa sungai terkenal dan sering dikunjungi

pelancong dari dalam dan luar negara seperti Sungai Peretak.

Sungai Peretak lebih lebar, arusnya juga lebih deras dan dikatakan sesuai untuk kaki pancing mencuba nasib.

Selepas menghilangkan penat, kami meneruskan perjalanan meninjau kubu dan rumah tinggalan komunis di lereng menuju ke Bukit Fraser, tetapi lokasinya terletak di kawasan agak tinggi yang perlu didaki. Di sekitar lereng itulah, Gurney menemui ajalnya di tangan pengganas yang menyerang hendap.

Seperti juga tiga tugu bersejarah yang diceritakan sebelum ini, kubu dan bekas penempatan komunis di atas bukit ini juga tidak dijaga, terbiar begitu saja. Kawasan persekitarannya semakin terlindung dek seman samun, ada juga struktur yang sudah runtuh kesan perlakuan manusia dan alam.

Puas dengan apa yang disaksikan, kami kembali ke kereta dan bergerak beberapa kilometer ke depan untuk melihat papan peringatan di Batu 56 1/2 Jalan Kuala Kubu-Bukit Fraser, lokasi Gurney ditembak mati sambil minda masing-masing mengimbau kembali rentetan kisah tragik menimpa pegawai tinggi British itu.

Kembara ke KKB yang pada mulanya dianggap tidak menjanjikan sebarang keistimewaan, sebaliknya memberikan banyak kenangan, ilmu dan sejarah untuk panduan.

(END)

Headline: Klang sarat sejarah warisan
Publication: HM
Date of publication: Jul 15, 2010
Section heading: Variasi
Page number: 006
Byline / Author: Oleh Suliati Asri

MENDAPAT jolokan sebagai Bandar Diraja, Klang menyimpan sejarah berusia 120 tahun dalam bentuk bangunan lama, jambatan dan jalan di sekitar bandar pelabuhan itu.

Namun, dengan pembangunan yang pesat, ramai yang tidak sedar setiap laluan di Klang mempunyai catatan sejarah yang tersendiri.

Justeru, bagi mengembalikan kegemilangan sejarah Klang yang sudah berusia 120 tahun, Klang Heritage Walk diilhamkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara menerokai serta merasai keindahan warisan yang ditinggalkan.

Matlamat utama program berkenaan ialah memperkenalkan Klang sebagai bandar diraja bersejarah di samping mengekalkan bangunan sebelum dan selepas perang untuk tatapan generasi akan datang.

Menerusi Klang Heritage Walk, pengunjung berpeluang mengenali 18 bangunan lama dan bersejarah yang kini dijaga sebagai binaan warisan. Berikut antaranya:

1) Stesen Keretapi Klang

Dibina sekitar 1890, Stesen Keretapi Klang adalah landasan yang pada mulanya menghubungkan Klang dengan Bukit Kuda.

Ia dibina bagi menggantikan perhentian Bukit Kuda yang tidak sesuai lagi sebagai perhentian di kawasan Klang kerana terletak agak jauh sedikit (lebih kurang 3 batu) dari bandar Klang. Dalam hal ini, jambatan kereta api dibina menyeberangi Sungai Klang dengan kos RM94,600 dan perhentian Bandar Klang dibuka secara rasminya pada Ogos 1890.

Lima tahun kemudian, pelabuhan di Klang didapati tidak memadai lagi. Jumlah import dan eksport meningkat dengan kadar yang pesat. Ini berikutan pembangunan tanaman kopi dan perlombongan bijih timah.

Justeru, pada 1895, sekali lagi keputusan diambil melanjutkan landasan kereta api dari Klang ke suatu kawasan yang dekat dengan laut supaya kapal yang lebih besar dapat berlabuh di sana.

Implikasinya Pelabuhan Swettenham (kini Pelabuhan Klang) dibuka secara rasmi pada 15 September 1901. Landasan ini adalah sejauh enam batu dari Klang ke Kuala Klang.

2) Gedung Raja Abdullah

Gedung Raja Abdullah adalah bekas kediaman dan gudang milik Raja Abdullah Ibni Almarhum Raja Jaafar yang dilantik Sultan Selangor pada 1854.

Pada 1874, pihak British menjadikannya pejabat kerajaan mereka dan ia kemudian menjadi muzium yang menyimpan khazanah lama pada 1891.

Gedung ini turut digunakan untuk menyimpan bijih timah dan hasil dagangan lain yang diangkut melalui Pengkalan Batu di pinggir Sungai Klang.

Kini, Gedung Raja Abdullah dijadikan muzium timah.

3) Balai Bomba Klang Selatan

Bangunan Balai Bomba Klang Selatan di Jalan Gedung Raja Abdullah yang dibina pada 1890 dengan gaya zaman Victoria bagi menjaga keselamatan bandar Klang.

Kini, ia berfungsi sebagai balai bomba. Walaupun diubah suai, struktur utama dan reka bentuk seni binanya masih dikekalkan dan masih sama seperti 100 tahun dulu.

4) Kuil Sri Nagara Thendayuthapani

Kuil Sri Nagara Thendayuthapani ialah kuil Hindu tertua dan terkaya di Klang. Ia terletak di persimpangan Jalan Dato Hamzah dan Jalan Bukit Jawa.

Kuil berkenaan kini menjadi salah satu warisan dan kebudayaan Klang.

5) Kota Raja Mahadi

Ia dibina pada 1866 oleh Raja Mahadi Ibni Almarhum Raja Sulaiman, ketika Perang Klang yang pertama pada 1866.

Kota ini dijadikan kubu beliau bagi mempertahankan serangan daripada Raja Abdullah Ibni Raja Jaafar.

6) Jambatan Kota

Jambatan Kota Klang dibina pada Mei 1957 oleh syarikat British, Dorman Long Bridge and Engineering Ltd.

Ia adalah jambatan dua tingkat sepanjang 500 meter yang dibina dengan menggunakan struktur besi merentasi Sungai Klang dan menjadi penghubung utama antara Bandar

Klang Utara dan Klang Selatan. Ia ditutup untuk kegunaan orang ramai pada 21 Januari 1992 dan sebelum diserahkan kepada Majlis.

Pada 1995, Majlis membelanjakan RM750,000 untuk menguatkan dan mengukuhkan struktur jambatan Kota Lama yang dikendalikan syarikat Fokus Engineering Sdn Bhd.

Pada 20 November 1996, majlis menawarkan kontrak kepada Syarikat Timur untuk membina 58 buah gerai cenderamata serta serbaneka bagi menempatkan lebih ramai Bumiputera berniaga di pusat bandar.

Pengubahsuaian siap sepenuhnya pada 17 Julai 1997. Majlis berhasrat untuk menjadikan Jambatan Kota sebagai satu tarikan pelancongan ke Klang.

7) Jalan Tengku Kelana (Little India)

Jalan Tengku Kelana atau lebih dikenali sebagai Little India adalah tempat tumpuan membeli-belah bagi masyarakat India tempatan dan luar.

Ia dikenali sebagai Little India kerana kerana majoriti peniaga di kawasan berkenaan terdiri daripada kaum India dan barangan yang dijual juga ada yang diimport dari India.

Kemeriahan di Little India akan dirasai apabila tibanya perayaan Deepavali dan perayaan lain yang disambut kaum India.

8) SMK Convent Klang

Sekolah yang terletak di Jalan Tengku Kelana dan bersebelahan Gereja Our Lady of Lourdes ditubuhkan pada 1924, Ketika itu ia hanya mempunyai 19 orang pelajar.

9) Gereja Our Lady of Lourdes

Gereja Our Lady of Lourdes adalah salah satu bangunan keagamaan tertua di Klang yang dibina kira-kira 80 tahun lalu. Ia mempunyai struktur pertukangan baru yang cukup cantik dan luar biasa.

10) Kuan Yin Temple

Dibina pada 1892, Kuil Kuan Yin adalah satu-satunya rumah ibadat Cina tertua di Selangor. Kuil itu hampir dirobohkan beberapa tahun lalu, tetapi dibatalkan apabila Sultan Selangor mengisytiharkan ia sebagai bangunan warisan negeri.

>Info

* Selain 10 bangunan bersejarah serta warisan bandar diraja Klang, lokasi atau bangunan serta tempat yang termasuk dalam Klang Heritage Walk itu adalah adalah Istana Alam Shah, Old Chartered Bank Building, Pejabat Agama Islam, Galeri Diraja

Sultan Abdul Aziz, Sekolah Kebangsaan Klang, Kolej Islam Sultan Alam Shah, Masjid Diraja Sultan Suleiman dan rumah kedai praperang.

>>Bagaimana ke sana

* Dengan kereta: Ada tiga lebuh raya utama yang menyambungkan bandar Klang. New Klang Valley Expressway (NKVE) membawa anda dari tol plaza Bukit Raja ke Klang dari Lebuhraya Utara-Selatan.

Bagi anda yang datang dari Shah Alam, Subang, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur, anda boleh menggunakan Lebuhraya Persekutuan untuk sampai ke Klang. Anda juga boleh menggunakan Shah Alam Expressway (KESAS) untuk ke Klang.

* Dengan tren: Stesen Keretapi Klang terletak di bandar iaitu di Jalan Stesen. Dengan menggunakan KTM Komuter, anda akan disambungkan terus dari Kuala Lumpur dan Port Klang.

* Dengan bas: Bas Transnasional dan Cityliner beroperasi di antara Klang dan Kuala Lumpur serta Pelabuhan Klang.

Headline: Keindahan alam damaikan pengunjung
Publication: HM
Date of publication: Nov 20, 2008
Section heading: Variasi
Page number: 06
Byline / Author: Oleh Syah Rul Aswari Abdullah

PENGINAPAN jimat dan selesa, makanan menyelerakan dan destinasi yang berdekatan kota antara jawapan `orang kita' apabila diajukan soalan mengenai percutian hujung minggu mereka.

Jika anda termasuk dalam golongan yang dimaksudkan, apa kata luangkan masa mengunjungi Kuala Selangor, bandar bersejarah yang pernah ditawan Belanda ketika usaha peluasan empayar oleh kuasa penjajah asing itu pada 1784.

Selain nilai sejarah, bandar kecil ini turut memiliki tarikan pelancongan antarabangsa seperti Taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan dan hidangan makanan laut yang murah.

Destinasi ini hanya terletak 40 kilometer perjalanan dari ibu kota.

Taman Alam Kuala Selangor

Rata-rata pengunjung yang pertama kali sampai ke bandar kecil ini pasti mahu terus mengunjungi Bukit Melawati yang menjadi antara mercu tanda utama di bandar Kuala Selangor.

Bagaimanapun, sebelum meneroka tarikan di atas puncak, apa kata terlebih dulu singgah di Taman Alam Kuala Selangor yang pintu masuknya terletak bersebelahan stesen trem Bukit Melawati.

Taman Hutan seluas 296 hektar ini bukan saja memainkan fungsi penting dalam mengekalkan ekosistem, malah menjadi kediaman semula jadi kepada pelbagai spesies flora dan fauna.

Landskap hutan hujan tropika dan hutan paya bakau turut menarik kehadiran 156 burung.

Daripada angka itu, 57 adalah spesies penghijrah dari Russia dan Siberia, yang singgah sebentar di taman ini antara September hingga April, setiap tahun.

Antara spesies burung tempatan yang menjadi penghuni tetap taman termasuk Burung Bakau, Bangau, Ketitir, Pekaka, Raja Udang, Pucong, Serandau dan Helang Bahu Hitam.

Burung yang datang berhijrah pula ialah daripada jenis Purple Herow, Great Eagle, Tiger Shrike, Brown Shrike, Arctic Shrike, Warbler dan Purple Swamphen.

Pengunjung boleh meneroka keindahan taman ini dengan mengikuti laluan pelantar konkrit di samping meneliti fungsi dan kegunaan tumbuhan hutan dengan bantuan pemandu pelancong.

Di tengah taman, anda akan dihidangkan dengan pemandangan tasik buatan yang menjadi tumpuan siput sedut, siput roman dan siput beliung.

Selain itu, ada menara tinjau untuk menyaksikan kehadiran burung, biawak dan haiwan pemangsa lain yang berkunjung ke tasik ini bagi mendapatkan sumber air.

Pengunjung yang gemarkan cabaran juga boleh memilih sama ada untuk bermalam di chalet atau berkhemah di tapak disediakan oleh pengurusan.

Bagaimanapun, anda dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dengan kehadiran ratusan kera daripada spesies Makonka dan Long Tail Silver Leaf yang menjadi penghuni setia taman.

Ini kerana ada kalanya, hidupan yang menjadikan pucuk kayu dan buah hutan ini gemar merebut makanan atau barangan peribadi pengunjung dalam sekelip mata.

Warisan sejarah Bukit Melawati

Bukit Melawati yang berdepan pemandangan indah Kuala Selangor dan Selat Melaka ini memiliki sejarah yang panjang dan amat rapat dengan kesultanan Melayu Melaka.

Mengikut sejarah, kota ini pernah ditakluki Belanda pada 1784 selepas kuasa penjajah itu menewaskan Portugis di Melaka.

Belanda kemudian memusnahkan kota lama dan menggantikannya dengan istana Eropah sebelum memberi nama baru, Fort Atlingsburg, sempena nama komander mereka, Gabenor Jeneral Alting.

Lokasi strategik menjadikan kota ini sering kali digempur beberapa kuasa besar utama termasuk British dan Kesultanan Selangor yang mahu menguasai bukit ini.

Pengunjung boleh memilih sama ada untuk memandu ke atas bukit atau trem berdekatan Masjid Lama Kuala Selangor untuk ke puncak dengan harga RM2 (dewasa) dan RM1 (kanak-kanak).

Dalam perjalanan menuju ke puncak, anda boleh melihat tiga makam Sultan Selangor, runtuhan kota lama dan batu hampar yang menjadi tempat pesalah menjalani hukuman pancung.

Bagaimanapun, jangan terkejut apabila disambut dengan ratusan lotong apabila sampai ke puncak. Pengunjung boleh memberikan kacang panjang kepada haiwan ini yang boleh dibeli daripada penjual.

Luangkan masa untuk menikmati pemandangan indah di puncak yang turut menempatkan rumah pegawai daerah British dan rumah api yang masih berfungsi sebagai panduan kepada kapal.

Ada juga menara tinjau yang digunakan pihak berkuasa agama untuk melihat anak bulan bagi menentukan tarikh mula puasa, hari raya dan permulaan awal Zulhijjah.

Kelip-kelip Kampung Kuantan

Tarikan pelancongan utama Kuala Selangor ini sudah lama menarik kunjungan pelancong asing terutama dari Asia Barat, Taiwan, Jepun dan China.

Menjadi satu daripada dua taman kelip-kelip yang ada di dunia, kunjungan anda ke pekan ini tidak lengkap jika tidak meluangkan masa mengunjunginya.

Istimewanya, sebahagian besar kelip-kelip yang boleh dijumpai di Kuala Selangor daripada spesies Pteroptyxtener yang mengeluarkan kerlipan cahaya tiga kali sesaat.

Kelip-kelip jantan dikatakan mengeluarkan cahaya lebih terang berbanding kelip-kelip betina untuk menarik perhatian pasangannya.

Tidak sukar untuk menyaksikan keajaiban alam ini. Anda boleh memandu terus dari tengah bandar dengan mengikuti papan tanda Taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Makanan laut dan kraftangan

Ada banyak restoran makanan laut di perkampungan nelayan di Pasir Penampang, terletak berhampiran kawasan jambatan yang merentangi Sungai Selangor.

Selain menawarkan masakan kampung dengan harga amat berpatutan, pengunjung juga berpeluang membeli pelbagai produk makanan laut dan makanan segar di jeti berhampiran.

Jika tidak pun, anda boleh menikmati makanan Barat di rumah rehat atau restoran di kaki Bukit Melawati yang menyediakan selera Melayu seperti nasi campur, ikan bakar dan nasi ayam.

Sebelum pulang, pastikan anda singgah di kedai kraftangan di Kampung Permatang Kuala Selangor.

Pelbagai cenderahati diperbuat daripada jut yang cantik boleh dibawa pulang sebagai buah tangan.

Selain produk kraftangan, orang ramai yang mahu mendapatkan bekalan ikan segar boleh berkunjung ke Pasar Basah Pasir Penambang berhampiran.

Terlanjur ke sini, jangan lupa mencari sagun beras tradisional Kuala Selangor, makanan tradisional yang tidak terdapat di tempat lain.

Penginapan

De Palma Inn Kuala Selangor

Tel: 03-32897070

http://depalmahotel.com

Firefly Park Resort

Tel: 03-3289-1208

Faks: 603-3289-1234

http://www.fireflypark.com/

Rujukan percutian

Tourism Malaysia

Tel: 03-2615 8188/

Faks: 03-2693 5884 / 2693 0207

Talian pelancongan: 1-300-88-5050

E-mel: enquiries@tourism.gov.my

www.tourism.gov.my

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor

Tel: 03 - 5511 1122 / Faks: 03 - 5513 1199

www.tourismselangor.gov.my

(END)

Headline: Pasar Jawa kaya sejarah

Publication: HM
Date of publication: Feb 7, 2008
Section heading: Variasi
Page number: 03
Byline / Author: Oleh Yooga Rani Murugiah

JIKA singgah ke Klang, jangan lupa bertandang ke Pasar Jawa, kawasan yang agak unik di tengah pusat bandar Diraja itu.

Apa yang menarik, biarpun pasar ini dari fizikalnya nampak seperti bangunan lama kerana dimamah usia, fungsinya kepada penduduk setempat begitu besar.

Bagi penduduk Klang dan peniaga di situ, Pasar Jawa masih menjadi kebanggaan dan khazanah negeri bersejarah yang patut dikekalkan.

Keunikan pasar ini ia menyediakan pelbagai keperluan dapur sehingga kepada perkhidmatan menggunting rambut dan rawatan kecantikan.

Pasar yang terletak kira-kira 30 minit perjalanan dari Kuala Lumpur adalah tempat peniaga Melayu menjual pelbagai jenis kuih tradisional seperti kerepek, kek dan kuih-muih lain.

Selain makanan, pasar ini juga menjadi tempat peniaga yang kebanyakan yang berasal dari Jawa, menjahit dan membuat tempahan baju kurung, baju Melayu dan pakaian pengantin.

Malah, ada peniaga menyediakan perkhidmatan menggunting rambut, rawatan kecantikan, butik pakaian dan gerai menjual jamu dan ubatan tradisional.

Pasar Jawa yang dibina pada 1960-an adalah pasar pertama di Klang. Pasar satu blok itu mempunyai keistimewaan tersendiri kerana memiliki unsur Kesultanan Melayu Melaka dan ketika itu menempatkan 80 peniaga.

Pasar ini juga menjadi tumpuan pengunjung ketika bulan puasa dan Aidilfitri. Ketika itu, ramai umat Islam sekitar Klang dan bandar berdekatan seperti Shah Alam, Banting, Pandamaran dan sejauh dari Pelabuhan Klang akan dapat membeli pakaian dan makanan.

Ketika ini, terdapat kira-kira 50 peniaga yang masih menerima kunjungan penduduk setempat yang membeli keperluan harian.

Peniaga kerepek, Jamalizawati Md Shukor, 27, yang membantu suami berniaga di Pasar Jawa berkata, dulu banyak gerai yang menjalankan perniagaan di pasar itu, tetapi berkurangan selepas ramai berpindah ke Pasar Besar Klang pada 1990.

Dia yang menetap di Kampung Sungai Udang, Klang, berkata pasar itu bermula sebagai tempat peniaga Melayu Jawa dari Kampung Meru dan Bukit Kapar berniaga.

"Ketika itu pasar ini tidak kelihatan seperti sekarang iaitu terkenal dengan pelbagai jenis makanan seperti kerepek, serunding, lemang, kuih muih dan kek.

"Peniaga ketika itu hanya menjual barangan yang dibawa dari kampung seperti ubi kayu, keledek dan keladi, ulam kampung seperti petai dan pegaga, buah-buahan tempatan dan pelbagai jenis pisang serta tembikai," katanya.

> Info

PASAR JAWA

* Lokasi: Di tengah-tengah Pusat Bandar Diraja, Klang

* Sejarah: Pasar satu blok dan dibina pada 1960-an. Pada awal 1960-an, terdapat 80 peniaga, kini 50 peniaga saja

* Asal Usul: Pasar Jawa menjadi tempat perniagaan bagi Orang Melayu dari Kampung Meru dan Bukit Kapar, Selangor

* Perniagaan: Perniagaan makanan; butik pakai an tempahan dan siap; kerepek, buah-buahan, salun rambut dan kedai ubat tradisional, pusat andaman pengantin dan kedai keperluan harian

(END)

Headline: Keunikan flora, fauna pikat pelancong
Publication: BH
Date of publication: Dec 11, 2008
Section heading: Supplement
Page number: 04
Byline / Author: Oleh Mona Ahmad

SELANGOR sebuah negeri yang bukan saja dikenali kerana hub perindustriannya, tetapi juga kerana keunikan dan kecantikan alam semula jadi yang mampu menarik pelancong berkunjung dari dalam dan luar negara.

Sebut saja, apa jenis tempat menarik pastinya ada di Selangor, begitulah uniknya negeri ini.

Dari pantai, gunung, perkampungan tradisionalnya dan sungainya, mampu membuatkan sesiapa saja yang berkunjung dapat mengukir kenangan manis di negeri ini.

Bagi mereka yang tinggal di bandar, tentunya, pengalaman menghabiskan masa dalam suasana aman damai di kampung yang masih berpegang teguh pada budaya tradisional meninggalkan seribu satu pengalaman pengalaman tidak dapat dilupakan sepanjang hayat.

Projek homestay di Kampung Sungai Haji Dorani di Sabak Bernam, Sungai Sireh (Tanjung Karang) dan Banghuris (Sepang), Selangor turut menawarkan pelbagai destinasi pelancongan dan produk makanan tradisional disulami keindahan alam semua jadi, pusat rekreasi, artifak sejarah dan pusat beli-belah.

Di homestay Banghuris misalnya, pengunjung berpeluang merasai kehidupan sebenar masyarakat kampung.

Pelancong berpeluang melihat sendiri pembuatan kerepek di kilang kerepek, menyertai kegiatan agro, menikmati makan tengah hari masakan tradisional Melayu Jawa di tepi kolam sambil dihiburkan dengan persembahan kebudayaan cempuling dan pelancong juga berpeluang merasai pengalaman menanam pokok kelapa pandan.

Antara aktiviti yang ditawarkan kepada pelancong ialah kegiatan agro dengan lawatan ke ladang kopi, getah. tanaman ubi, keledek, sayuran, mengait kelapa sawit dan dusun buah-buahan.

Bagi yang menggemari alam semula jadi, Selangor turut menawarkan destinasi pelancongan yang berteraskan alam semula jadi terutama di Gombak, Hulu Selangor dan Hulu Langat yang menjadi tumpuan pelancong yang menggemari aktiviti lasak seperti merentas hutan, berkhemah dan berkelah.

Antaranya Taman Rimba Templer dan Hutan Rekreasi Kanching di Gombak; Empangan Batu, Air Panas Hulu Tamu, Hutan Rekreasi Sungai Pertak dan Air Terjun Sungai Sendat (Hulu Selangor); Gunung Nuang, Air Terjun Tekala, Air Terjun Sungai Congkak, Air Terjun Sungai Gabai dan kawasan rekreasi Lubuk Manggis (Hulu Langat).

Jika berkesempatan berkunjung ke Kuala Selangor, kunjungilah taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan yang terkenal dan Taman Alam Kuala Selangor yang menghimpunkan ratusan spesies burung dari seluruh dunia.

Dalam perjalanan menuju ke puncak Bukit Malawati, anda boleh melihat tiga makam Kesultanan Selangor selain rumah rehat yang asalnya adalah rumah pegawai daerah British, rumah api yang masih berfungsi dengan baik dan Kota Malawati bersejarah.

Uniknya Taman Alam ini, anda boleh temui 156 spesies burung di mana 57 spesies berasal dari luar negara seperti Russia dan Siberia. Burung luar negara ini boleh dilihat dengan banyaknya terutama pada waktu persinggahan mereka iaitu sekitar September hingga April setiap tahun.

Taman Alam seluas 296 hektar ini menggabungkan hutan hujan tropika dan hutan paya bakau. Banyak habitat burung di taman ini sering dijadikan kajian saintis dan pelancong luar negara.

Taman Kelip-Kelip di Kampung Kuantan menempatkan banyak spesies kelip-kelip Pterotyxtener yang mengeluarkan kerlipan cahaya tiga kali sesaat. Kerlipan kelip-kelip jantan lebih terang berbanding betina. Inilah yang dikatakan keajaiban ciptaan tuhan.

Pelancong berpeluang mengunjungi sekurang-kurangnya lapan lokasi bersejarah, kebanyakannya mengenai sejarah negeri dan kesultanan Selangor.

Selain Bukit Malawati di Kuala Selangor, Istana Bandar dan Masjid Sultan Alauddin (Kuala Langat), Gedung Raja Abdullah dan Kota Raja Mahadi (Klang), Muzium Shah Alam (Shah Alam) dan Muzium Orang Asli (Gombak).

Jika negeri di sebelah Pantai Timur terkenal dengan pantai, Selangor tidak kurang hebatnya kerana mempunyai pantai yang menarik seperti Pantai Bagan Lalang di Sepang dan Pantai Morib di Banting.

Pantai yang luas yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tempat letak kereta, tandas awam dan gerai makanan, pastinya mampu menarik pengunjung untuk singgah berkelah dan beriadah.

Selangor juga terkenal dengan pusat rekreasi moden dan taman tema yang banyak dibina di negeri ini, antaranya, Sunway Lagoon di Subang Jaya, Wet World Water Park (Shah Alam) dan Pandan Safari Lagoon (Ampang).

Banyaknya pusat beli-belah di Selangor dan menjadikan negeri ini seolah-olah syurga membeli-belah.

Sesuai dengan lokasinya yang berhampiran dengan Lembah Klang, kedudukan Selangor yang sungguh strategik menjadikannya destinasi pelancongan sehenti yang ideal kepada pelancong tempatan dan luar negara.

(END)

Headline: Banyak aktiviti menanti anda di Kuala Selangor

Publication: BH
Date of publication: Jul 26, 2008
Section heading: Sabtu
Page number: 10
Byline / Author: Oleh Habsah Dinin

IMPIKAN percutian indah di lokasi bertaraf antarabangsa yang hanya memerlukan anda memandu kenderaan selama 40 minit untuk sampai? Jom ke Kuala Selangor...!

Dengan perjalanan kurang sejam dari Kuala Lumpur, Kuala Selangor menawarkan destinasi pelancongan menarik malah digelar antara lapan keajaiban dunia.

Tidak percaya? Kunjungi taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan yang cukup terkenal di seluruh dunia dan Taman Alam Kuala Selangor yang menghimpunkan beratus-ratus spesies burung dari seluruh dunia... anda tentu terpegun!

Katakan apa saja, Kuala Selangor cukup unik dan hanya menunggu untuk diteroka. Begitulah lumrah manusia, tempat jauh selalu dikenang sedangkan destinasi terdekat juga mampu menjanjikan percutian hebat.

Lebih-lebih lagi dalam suasana kenaikan harga barangan sekarang yang menuntut kita berjimat cermat, bercuti di lokasi paling hampir wajar diberi keutamaan siapa saja.

Sabtu

9 pagi: Selepas sarapan bertolak ke Kuala Selangor. Beberapa laluan alternatif boleh digunakan. Orang ramai boleh menggunakan laluan Kuala Lumpur-Sungai Buloh-Kuala Selangor atau Kuala Lumpur-Shah Alam-Meru-Kuala Selangor serta Rawang-Batang Berjuntai-Ijok-Kuala Selangor. Mereka yang menetap di Shah Alam, boleh menggunakan Lebuhraya Guthrie menuju ke Puncak Alam-Sungai Buloh-Kuala Selangor.

Perjalanan hanya mengambil masa kira-kira 40 minit. Jika berkonvoi, pasti lebih seronok dan meriah!

10 pagi: Tiba di kaki Bukit Malawati berhampiran Masjid Lama Kuala Selangor. Bagi yang masih belum menikmati juadah pagi bolehlah bersarapan di mana-mana restoran mengikut kesesuaian selera di bangunan kedai berhadapan stesen trem Bukit Malawati.

Tiket untuk menaiki trem boleh dibeli di kaunter tiket berhampiran. Tiket bagi seorang dewasa berharga RM2 manakala RM1 bagi kanak-kanak berusia bawah 12 tahun. Pengunjung boleh menggunakan khidmat trem selama mereka berada di atas bukit tanpa had selagi belum turun.

Dalam perjalanan menuju ke puncak Bukit Malawati, anda boleh melihat tiga makam Kesultanan Selangor selain rumah rehat yang asalnya adalah rumah pegawai daerah British, rumah api yang masih berfungsi dengan baik dan Kota Malawati bersejarah.

Usah terperanjat kerana sebaik tiba di puncak bukit, anda disambut lotong yang bebas berkeliaran tetapi koloni haiwan ini jinak. Lazimnya pengunjung memberi lotong makan kacang panjang sama ada yang dibawa sendiri ataupun dibeli daripada penjual. Pengalaman memberi makan kepada lotong jinak ini cukup menyeronokkan.

12.30 tengah hari: Perut mula lapar. Masa untuk makan tengah hari. Bagi yang mahu menikmati makanan Barat boleh singgah di rumah rehat yang menyediakan menu enak pada harga berpatutan. Makanlah sambil menikmati keindahan Bukit Malawati dan desiran angin sepoi-sepoi bahasa.

Di kaki bukit, beberapa restoran yang menyediakan pelbagai juadah Melayu seperti nasi campur, ikan bakar, nasi ayam dan sebagainya juga boleh dikunjungi. Seperkara yang perlu diingat, jika terjumpa peniaga menjual sagun beras tradisional Kuala Selangor, jangan lupa membelinya kerana ia tidak dijual di tempat lain.

3 petang: Selepas makan tengah hari, berehat dan bersolat, masa untuk melawat Taman Alam Kuala Selangor yang pintu masuknya terletak bersebelahan dengan stesen trem Bukit Malawati. Seorang dewasa perlu membayar RM4 manakala kanak-kanak pula RM2 seorang.

Uniknya Taman Alam ini, anda boleh temui 156 spesies burung di mana 57 spesies berasal dari luar negara seperti Russia dan Siberia. Burung luar negara ini boleh dilihat dengan banyaknya terutama pada waktu persinggahan mereka iaitu sekitar September hingga April setiap tahun.

Taman Alam seluas 296 hektar ini menggabungkan hutan hujan tropika dan hutan paya bakau. Banyak habitat burung di taman ini sering dijadikan kajian saintis dan pelancong luar negara.

8 malam: Tibalah masa dinanti-nantikan iaitu melawat Taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Mungkin bagi masyarakat tempatan, kerlipan kelip-kelip biasa dilihat tetapi bagi pelancong luar negara terutama dari Asia Barat, Taiwan, Jepun dan China, taman ini wajib dikunjungi. Jika tidak, tidak lengkap percutian ke Kuala Selangor.

Tahukah anda di seluruh dunia hanya ada dua taman kelip-kelip? Paling istimewa, taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan menempatkan banyak spesies kelip-kelip Pterotyxtener yang mengeluarkan kerlipan cahaya tiga kali sesaat. Kerlipan kelip-kelip jantan lebih terang berbanding betina. Inilah yang dikatakan keajaiban ciptaan tuhan.

11 malam: Bermalam di Hotel De Palma Kuala Selangor. Bagi yang mahu berjimat, beberapa hotel bajet boleh dilanggani di sekitar Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sekinchan.

Ahad

9 pagi: Selepas sarapan, tidak lengkap percutian tanpa sesi beli-belah. Kedai kraftangan di Kampung Permatang Kuala Selangor dikunjungi. Pelbagai cenderahati yang diperbuat daripada jut yang cantik boleh dibawa pulang sebagai buah tangan. Selain produk kraftangan, orang ramai yang mahu mendapatkan bekalan ikan segar boleh berkunjung ke Pasar Basah Pasir Penambang berhampiran .

11 pagi: Pulang ke Kuala Lumpur dengan memori indah di Kuala Selangor.

Info

Pelancongan Kuala Selangor

* Kemudahan perkhidmatan tram menaiki Bukit Malawati disediakan dengan bayaran RM2 dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak.

* Perkhidmatan sampan untuk pengembaraan kelip-kelip disediakan dengan tambang RM10 seorang, muatan empat orang satu sampan.

* Perkhidmatan teksi ada dari pekan Kuala Selangor ke Kampung Kuantan dengan bayaran RM40

* Bayaran masuk ke Taman Alam Kuala Selangor ialah RM4 dewasa dan RM2 kanak-kanak.

Cara ke sana

Pengunjung dari arah Klang terus menghala ke Kuala Selangor manakala dari Kuala Lumpur boleh melalui Sungai Buloh menuju Batu Arang dan terus ke Kuala Selangor. Pengunjung dari utara yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan terus mengambil susur keluar ke Kuala Selangor mengikut arah papan tanda.

Info

SEBAHAGIAN besar kelip-kelip yang boleh dijumpai di Kuala Selangor ini adalah daripada spesies Pteroptyxtener yang mengeluarkan kerlipan cahaya sebanyak tiga kali sesaat. Kelip-kelip jantan mengeluarkan cahaya lebih terang berbanding kelip-kelip betina untuk menarik perhatian pasangannya.

Spesies burung pukau pengunjung

Antara spesies burung tempatan yang menjadi penghuni tetap taman ini termasuk Burung Bakau, Bangau, Ketitir, Pekaka, Raja Udang, Pucong, Serandau, Helang Bahu Hitam manakala burung yang datang berhijrah pula ialah dari jenis Purple Herow, Great Eagle, Tiger Shrike, Brown Shrike, Arctic Shrike, Warbler dan Purple Swamphen.

Kehadiran pelbagai spesies burung ini menjadikan Taman Alam lokasi yang menarik dilawati sambil menikmati kecantikan dan keindahan panorama flora dan fauna yang begitu banyak di sini.

Bagi penggemar aktiviti lasak dan mencabar, pastinya kunjungan ke taman alam ini tidak mengecewakan.

Hutan paya bakau yang terbentang seluas 95 hektar ini menanti untuk diredah dan dibongkar rahsia dan misterinya. Hutan paya bakau bukan saja berfungsi bagi mengekalkan ekosistem malah menjadi habitat semula jadi kepada berbagai jenis haiwan liar di taman ini.

Menariknya, ada sebuah tasik buatan manusia yang ada di Taman Alam ini yang ada banyak siput sedut, siput roman dan siput beliung di sekitarnya.

Pengunjung berpeluang mengutip siput-siput ini sebagai salah satu aktiviti rekreasi. Kewujudan dan kehadiran siput-siput ini adalah kesan daripada keharmonian alam semula jadi yang tidak diganggu oleh pencemaran.

Jangan lepaskan melihat pelbagai aksi beratus-ratus ekor kera daripada spesies Makonka dan Long Tail Silver Leaf yang hidup liar. Juga ada lotong yang jinak, anak lotong berwarna oren hidup bebas memakan pucuk kayu dan buah-buah hutan di sekitarnya.

Bagi yang gemarkan warisan sejarah, pengunjung boleh menerokai kehebatan Bukit Malawati yang menjadi mercu tanda Kuala Selangor sejak sekian lama.

Bukit Malawati yang pernah ditakluki Belanda pada 1784. Kuala Selangor antara daerah di Selangor di mana orang Belanda pernah sampai pada Julai 1784 selepas Belanda mengalahkan Portugis di Melaka.

Penaklukan Belanda pada 1784 menukar nama kota ini kepada Kota Atslingburg sempena nama komander Belanda Gabenor Jeneral Alting.

Di atas Bukit Malawati ini anda boleh melihat Makam Diraja Kesultanan Selangor iaitu Sultan Selangor Pertama Sultan Salahuddin Shah [1742-1778], Sultan Selangor Kedua, Sultan Ibrahim Shah [1778-1826] serta Sultan Selangor Ketiga iaitu Sultan Mahmud Shah [1826-1857].

Pengunjung boleh melihat tinggalan batu-batu binaan kota lama termasuk Batu Pancung atau Batu Hampar yang dulu pernah menjadi tempat memancung kepala penderhaka pemerintah, rumah api yang masih berfungsi dengan baik.

Di situ juga ada Menara tinjau yang digunakan untuk melihat anak bulan pada permulaan Ramadan, Hari Raya dan penentuan permulaan awal Zulhijjah. (END)

Headline: Aktiviti riadah 200 ahli 4B jelajah sejarah Morib

Publication: BH
Date of publication: Feb 23, 2010
Section heading: Sentral
Page number: 007

BANTING: Bukan sekadar mencari petunjuk, Program Cabaran Harta Karun Keluarga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib, kelmarin, agak unik kerana ia menyusuri perjalanan penuh bersejarah di sekitar Morib.

Program yang disertai kira-kira 200 ahli Pergerakan Belia 4B (Belia 4B) Kampung Sri Jugra dan Kuala Langat membawa peserta mengelilingi beberapa tempat menarik di sekitar Morib antaranya Tugu Peringatan Piala Thomas, Pantai Kelanang, Penjara Lama Jugra dan Rumah Anak Yatim Sungai Buaya.

Pengerusi Belia 4B Kuala Langat, Zurihan Yusop, berkata penganjuran aktiviti riadah itu yang dirasmikan Adun Morib, Hasiman Sidom bertujuan merapatkan ikatan persaudaraan, selain mengukuhkan persefahaman antara ahli pergerakan.

"Program Mencari Harta Karun ini julung kali diadakan dan ia turut membawa mesej seperti mengingati sejarah Belia 4B dan sejarah Malaysia membawa pulang Piala Thomas berikutan sebahagian pemain badminton negara ketika itu daripada keluarga Datuk Abdullah Sidek Kamar, anak tempatan di sini."Atas dasar itu, laluan yang dipilih bagi program ini mempunyai sejarah dan keunikannya tersendiri di kawasan Morib ini," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Zurihan berkata, sambil berusaha untuk menang, peserta juga berpeluang mengetahui dengan lebih dekat sejarah bandar diraja Jugra yang cukup terkenal di Selangor.Katanya, peserta yang menaiki kereta masing-masing kemudian perlu mengelilingi Morib sambil cuba mencari harta karun yang disembunyikan urusetia program.

Selain mencari harta karun, peserta program turut singgah di Rumah Anak Yatim Sungai Buaya bagi menyertai pertandingan Sukan Rakyat bersama penghuni rumah kebajikan itu.

Zurihan berkata, pihaknya bercadang menganjurkan program sama pada masa depan dan memilih kawasan DUN Telok Datok dan DUN Sijangkang bagi program itu.Beliau juga bercadang menganjurkan satu ekspedisi meneroka Gua Tempurung di Gopeng, Perak, tidak lama lagi.

Sumber : http://emedia.com.my
Tarikh Akses : 29 Januari 2014

## KEMENTERIAN PELANCONGAN ADAKAN TAKLIMAT TMM 2014 YANG BERJAYA DI SELANGOR

---

Date: 25-02-2013
Author: / ANM ANM AS AA

PELANCONGAN-TMM

SHAH ALAM, 25 Feb (Bernama) -- Kementerian Pelancongan telah mengadakan satu
taklimat Tahun Melawat Malaysia 2014 (TMM 2014) yang berjaya di sini hari ini
untuk para peserta industri pelancongan Selangor.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Ong Hong Peng berkata sesi dialog dan interaksi dengan peserta industri di sini, setakat ini adalah yang terbesar.

"Sesi dialog dan interaksi yang diadakan di Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan amat menggalakkan tetapi sesi hari inilah yang paling berjaya," kata beliau kepada pemberita selepas taklimat berkenaan.

Taklimat itu ialah untuk menggariskan hala tuju strategik kementerian untuk TMM 2014 dengan sepintas lalu iklan televisyen antarabangsa dan interaksi dengan peserta industri untuk mendapatkan maklum balas, kata beliau.

Beliau juga berkata sokongan dari setiap orang di keseluruhan rantaian nilai pelancongan adalah penting untuk memastikan kejayaan TMM 2014.

-- BERNAMA

ANM ANM AS AA

## 60 DESTINASI PELANCONGAN DI SELANGOR BERPOTENSI DIMAJUKAN

---

Date: 30-07-2001
Author: / RIZ RI

Dewan - Selangor (Pelancongan)

SHAH ALAM, 30 Julai (Bernama) -- Selangor setakat ini telah berjaya mengenal pasti 60 buah destinasi pelancongan dalam negeri yang dianggap berpotensi dimajukan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Sains dan Teknologi dan Pembangunan Organisasi, Datuk Ir Lum Weng Keong berkata mengikut daerah, dua destinasi pelancongan itu berada di Sabak Bernam, Kuala Selangor (7) dan Petaling (8).

Daerah-daerah lain, Klang (5), Kuala Langat (7), Sepang (3), Hulu Klang (10), Gombak (10) dan Hulu Selangor (8).

Ketika menjawab soalan Datuk Chai Kim Lem (BN: Sekinchan), Lum mengakui industri pelacongan merupakan sumber kewangan utama negeri.

Menurutnya 60 destinasi pelancongan yang berpotensi itu adalah merupakan tempat-tempat bersejarah, kawasan pantai dan alam semula jadi.

Kepada satu soalan lain yang dikemukakan oleh Chai, Lim berkata kerajaan negeri masih di peringkat kajian untuk memasukkan kawasan pantai Sekinchan ke dalam senarai 60 destinasi pelancongan tersebut.

Teng Chang Kim (DAP: Bandar Klang) pula menganjurkan supaya kerajaan negeri dapat memberikan tema kepada setiap program-programnya yang ada kaitan dengan pelancongan.

Menjawab cadangan Teng itu, Lum berkata setakat ini kerajaan negeri tidak bercadang memberikan tema kepada setiap program yang ada kaitan dengan industri itu memandangkan jumlahnya yang begitu banyak.

Katanya program-program yang ada kaitan dengan pelancongan yang aktif diadakan di Selangor adalah bersifat jangka pendek.

Sementara itu, kerajaan negeri menerusi Lembaga Pengamanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LPKWSNS) telah mengeluarkan pinjaman pelajaran kepada seramai 770 pelajar bagi tahun 2000, kata Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Katanya, pinjaman kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama melibatkan kos sebanyak RM1.529 juta.

"Jumlah tersebut termasuk pinjaman pelajaran tenaga mahir berjumlah 419 pelajar," katanya sebagai menjawab soalan Datuk Abdul Samad Maharuddin (BN: Morib).

Dewan Undangan Negeri Selangor bersidang hari ini pada hari pertama mesyuarat kedua penggal ketiga DUN ke-10 yang akan berakhir 1 Ogos ini.

Kepada satu soalan lain, Dr Zainal Abidin berkata setakat ini LPKWSNS belum lagi menarik skim pemberian pinjaman pelajaran.

Bagaimanapun, katanya, penaja pinjaman boleh menarik balik pinjaman pelajaran yang telah ditawarkan kepada pelajar sekiranya pelajar melanggar syarat, seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pinjaman Fasal 6(1).

Fasal 6(1) menyatakan pelajar tajaannya tidak boleh melakukan jenayah, menukar kursus tnapa mendapat kebenaran daripada Lembaga LPKWSNS, tidak mencapai kejayaan dalam peperiksaan, tidak dibenarkan berkahwin dalam tempoh perjanjian kecuali mendapat kebenaran, tidak boleh bekerja semasa tempoh pinjaman dan tidak boleh mengambil bahagian dalam kegiatan yang tidak dibenarkan oleh Lembaga.

Pelajar juga tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau satu-satu kumpulan orang, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Lembaga, tidak boleh menyertai apa-apa organisasi berbau politik, dan pelajar perlu memberitahu jika ada menerima apa-apa bentuk bantuan pinjaman atau biasiswa daripada pihak lain dalam tempoh tarikh perjanjian dengan pihak LPKWSNS.

-- BERNAMA

RIZ RI

## 15 KAWASAN EKO-PELANCONGAN BERPOTENSI DI SELANGOR

Date: 30-09-1998
Author: / KM PR

Abu Hassan-Pelancongan

KUALA SELANGOR, 30 Sept (Bernama) -- Sebanyak 15 kawasan telah dikenal pasti di Selangor untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan baru yang berteraskan eko-pelancongan, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Cadangan untuk membangunkan kawasan-kawasan itu dikemukakan oleh Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) seperti yang diarahkan oleh beliau beberapa bulan lepas untuk memperbanyakkan lagi destinasi pelancongan di negeri itu.

"Unit Perancang dan Pembangunan Negeri kini mengkaji cadangan-cadangan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Firefly Park Resort di Bukit Belimbing di sini, malam tadi.

Kompleks ini bangunkan secara usahasama oleh Persatuan Memancing Kuala Puting Beliung, JKKK Kampung Bukit Belimbing dan Teras Gading Sdn Bhd sebagai salah satu projek eko-pelancongan yang memperkenalkan keindahan kelip-kelip pada waktu malam sepanjang persisiran tebing Sungai Selangor.

Fasa pertama projek itu yang mempunyai 12 chalet dan jeti penumpang yang disiapkan pada Ogos lepas dengan harga RM1.5 juta dan berkonsepkan mesra alam telah berjaya menarik 5,000 pelancong - 90 peratus daripadanya pelancong luar negara sejak mula operasi pada 8 Ogos. Para pelancong boleh menikmati keindahan ini dengan menaiki bot.

Abu Hassan berkata, kelip-kelip yang didapati di Kuala Selangor adalah kebanggaan negeri ini dan negara amnya kerana ia adalah satu-satunya spesis yang terdapat di dunia.

Kerajaan Negeri juga mempunyai cadangan untuk membangunkan kemudahan "jungle tracking" dan "jogging" di sebuah kawasan hutan yang berhampiran dengan kompleks kelip-kelip itu.

Mengenai kedatangan pelancong ke Negeri Selangor, beliau berkata dalam enam bulan pertama tahun ini seramai 1.54 juta orang telah mengunjungi destinasi-destinasi pelancongan di negeri itu.

Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan 1.46 juta pelancong yang melawat Selangor dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Semua usaha ini dibuat dengan tujuan menarik sekurang-kurangnya 30 peratus daripada para pelancong yang memasuki Malaysia, melalui Selangor, sekurang-kurangnya bermalam sehari di negeri itu sebelum melawat tempat pelancongan lain di negara ini, katanya.

-- BERNAMA
KM PR

**RM6.8 JUTA BAGI BEBERAPA PROJEK PELANCONGAN DI SELANGOR**

---

Date: 09-09-1996
Author: / KM PR
Muhammad-Pelancongan

SHAH ALAM, 9 Sept (Bernama) -- Beberapa projek pelancongan yang berpotensi akan dilaksanakan di Selangor dengan peruntukkan RM6.8 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Projek-projek pelancongan itu yang telah dikenal pasti akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke Selangor di samping menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu industri yang menguntungkan di negeri ini, katanya.

"Peruntukkan itu menggambarkan Kerajaan Negeri memberi perhatian serius terhadap sektor pelancongan walaupun penekanannya ialah pada industri," katanya ketika merasmikan majlis Promosi Makanan Negeri Selangor di sini, hari ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Exco Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Ch'ng Toh Eng.

Muhammad berkata, projek-projek yang akan dilaksanakan dalam RMK-7 itu ialah Projek Pengindahan Semula Pantai Morib, Pantai Batu Laut di Sepang dan pembinaan jeti di kawasan kelip-kelip di Kuala Selangor.

Selain itu, katanya, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan projek pengindahan kolam air panas di Hulu Langat, kemudahan istirehat dan pelancongan di Sungai Tua, Gombak, projek pelancongan pertanian di Hulu Yam, Batang Kali dan penyediaan kemudahan pelancongan di Taman Rimba, Ampang.

Beliau berkata projek-projek itu bukan sahaja akan menarik lebih ramai pelancong ke Selangor tetapi turut memberi peluang ekonomi kepada masyarakat sekitar kawasan berkenaan.

Selain itu, kata Muhammad, Kerajaan Negeri juga memberi perhatian serius kepada aspek perhotelan di negeri ini dalam usaha mengalakkan industri pelancongan.

"Sektor perhotelan di negeri ini telah berkembang pesat seiring dengan industri pembuatan, perkilangan dan industri lain," dan bilangan hotel di sini akan bertambah dari empat sekarang kepada tujuh buah menjelang akhir tahun ini, kata beliau.

Muhammad turut megalakkan hotel-hotel di negeri ini mengenengahkan unsur-unsur tradisional dan budaya bagi dijadikan aktiviti harian daripada segi hiasan dalaman ataupun pakaian seragam kakitangan hotel. -- BERNAMA

KM PR

Sumber : http://blis.bernama.com/mainHome.do
Tarikh Akses : 29 Januari 2014